

**KEISTIMEWAAN SENIBINA RUMAH DATO' HAJI
AHMAD MAHER SEBAGAI KHAZANAH
WARISAN YANG PERLU DIPELIHARA**

MOHAMAD RAHIMI AKMAL BIN MAT HASSAN

**UNIVERSITI
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

**MALAYSIA
KELANTAN**

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KEISTIMEWAAN SENIBINA RUMAH DATO' HAJI
AHMAD MAHER SEBAGAI KHAZANAH WARISAN
YANG PERLU DIPELIHARA**

DISEDIAKAN OLEH:

MOHAMAD RAHIMI AKMAL BIN MAT HASSAN

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian.

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.


Tandatangan Utama



MOHD RAHIMI AKMAL BIN MAT HASSSAN

Tarikh: 27 JANUARI 2021

Tandatangan Penyelia



PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh: 27 JANUARI 2020

FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Penyelia
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk "Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara" telah disediakan oleh **(Mohamad Rahimi Akmal Bin Mat Hassan)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Konservasi Warisan)**.

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh: 27 JANUARI 2020

FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini dapat saya sempurnakan pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya serta selalu memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian.

Disamping itu juga, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua-dua arwah ibu dan bapa saya yang dikasihi kerana menjadi pembakar semangat saya di “Menara Gading” ini dalam melakukan apa jua perkara di dalam kehidupan termasuklah menyempurnakan tugas projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik saya yang memberikan dorongan kepada saya untuk meneruskan pelaksanaan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan kajian ini. Sebelum saya mengundur diri, ingin saya selitkan juga ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini. Semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap dunia sejarah dan warisan di negara Malaysia ini.

Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah

Warisan Yang Perlu Dipelihara

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara”. Dato' Haji Ahmad Maher merupakan bekas Mufti ke-7 Kelantan yang memegang jawatan pada tahun 1945 hingga 1968. Bekas rumah mufti ini dibina selepas era Kolonial British di Tanah Melayu dan lokasinya adalah bertempat di Kampung Wakaf Bharu, Kota Bharu. Pengkaji menyasarkan rumah berkenaan kerana tarikh gabungan pengaruh seni bina yang terdapat pada struktur binaannya. Meskipun masyarakat menyedari akan keunikan pengaruh seni bina terdahulu, malangnya ada sebilangan daripada mereka memandang enteng akan kepentingan nilai estetikanya sehinggalah rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini menjadi antara warisan ketara yang berada dalam keadaan terbiar dan terpinggir dari pembangunan pesat bandar Kota Bharu. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti sejarah rumah Dato' Haji Ahmad Maher secara sahih selain mengkaji keistimewaan pengaruh seni bina padanya. Objektif pengkaji juga ingin merungkaikan cadangan yang mampu memelihara nilai estetika warisan rumah tersebut. Kaedah pemerhatian, temu ramah dan analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan data sekaligus menyempurnakan proses penyelidikan ini dari fasa awal hingga akhir. Kajian ini akan menimbulkan isu kepentingan nilai warisan rumah Dato Haji Ahmad Maher kepada pelbagai pihak sekiranya langkah pemuliharaan dan pemeliharaan dibuat.

Kata Kunci: *keistimewaan, seni bina, rumah, Dato' Haji Ahmad Maher, khazanah warisan, pemeliharaan.*

Architectural Privilege of Dato' Haji Ahmad Maher's House as a Heritage to Be Preserved

ABSTRACT

This research project is about on “Architectural Privilege of Dato' Haji Ahmad Maher's House as a Heritage to Be Preserved”. Dato' Haji Ahmad Maher, the former Mufti 7th of Kelantan who has the position in 1945 to 1968. The former Mufti's house began to show the British Colonial era in Malaya and the location is located in Kampung Wakaf Bharu, Kota Bharu. Researchers are targeting related homes because of the architectural merit of their existing structure. People who are aware of the uniqueness of the architectural past, unfortunately for some time they see their aesthetic value so low that Dato' Haji Ahmad Maher's home is among the most significant legacy left behind by the rapid development of Kota Bharu. The objective of this study is to identify the history of the house of Dato' Haji Ahmad Maher in addition to studying the architectural privileges in it. The objective of the researcher is also to draw attention to suggestions that can preserve the aesthetic value of the home. Observation, interview and document analysis methods are used to obtain data and to complete this research process from beginning to end. This study will raise the issue of the importance of the heritage of Dato' Haji Ahmad Maher's residential to the various steps taken and preservation.

Keywords: privileges, architecture, house, Dato' Haji Ahmad Maher, heritage treasures, preservation.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Terminologi	17
1.10 Penutup	21

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Pengaruh Senibina Di Malaysia	23
2.3	Identiti Seni Bina Melayu	25
2.4	Identiti Senibina Eropah Di Malaysia	26
2.5	Identiti Senibina Cina Di Malaysia	28
2.6	Peranan Jawatan Mufti Dalam Hal Ehwal Perundangan Islam	30
2.7	Dato' Haji Ahmad Maher (Mufti Ke-7 Kelantan)	32
2.8	Pendekatan Konservasi	33
2.9	Kajian Dilapidasi	36
2.10	Penutup	37
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	38
3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Instrumen Kajian	46
3.4	Prosedur Pungutan Data	48
3.5	Kaedah Analisis Data	48
3.6	Jangkaan Dapatan Kajian	49
3.7	Penutup	51
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	52
4.1	Pengenalan	52

4.2	Analisis Demografi Responden	53
4.3	Sejarah Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Di Bandar Kota Bharu, Kelantan	54
4.4	Ciri-Ciri Pengaruh Seni Bina Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	66
4.5	Cadangan Kaedah Pemeliharaan Yang Sesuai Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	80
4.6	Penutup	92
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN	94
5.1	Pengenalan	94
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.3	Rumusan	100
5.4	Cadangan	101
5.5	Penutup	102
RUJUKAN		104
LAMPIRAN		110

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	49
4.1	Senarai Nama Responden Yang Ditemubual Pengkaji	54
4.2	Tugas Dan Jawatan Pernah Disandang Dato' Haji Ahmad Maher	59

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Fasad Hadapan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	6
1.2	Fasad Sisi Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	6
2.1	Ukiran Motif Flora Rumah Melayu Tradisional Terengganu	24
2.2	Senibina Rumah Tradisional Melayu	26
2.3	Mahkamah Batu Gajah di Perak Berunsurkan Senibina Inggeris	28
2.4	Tangga Batu Bersalut Jubin Berpengaruh Seni Bina Cina Pada Rumah Tradisional Melaka	30
2.5	Masjid Ihsaniah Iskandariah Sebelum dan Selepas Proses Konservasi	35
3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	41
3.2	Carta Aliran Bagi Kaedah Penyelidikan	42
4.1	Wajah Allahyarham Dato' Haji Ahmad Maher	55
4.2	Salasilah Keluarga Dato' Haji Ahmad Maher	57
4.3	Pandangan Hadapan Rumah Dato Haji Ahmad Maher	62
4.4	Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Terselindung Dari Pandangan	63

4.5	Lokasi Rumah Tiada Pada Aplikasi <i>Goggle Maps</i>	64
4.6	Bumbung Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	68
4.7	Pengaruh Seni Bina Inggeris Pada Ornamen Tiang	70
4.8	Stuktur Pengudaraan Berunsur Flora	71
4.9	Bahagian Beranda Dari Sudut Hadapan Rumah	72
4.10	Tiang Gaya Roman Atau Tiang Batu Botol	73
4.11	Tingkap Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	74
4.12	Pintu Masuk Utama Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	76
4.13	Rekaan Lubang Angin Bawah	78
4.14	Hiasan Jenang Tingkap Bahagian Atas Dan Bawah Tingkap	79
4.15	Cadangan Pemeliharaan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher	81
4.16	Cadangan Pelan Perancangan Pemeliharaan	86

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Identiti seni bina di Malaysia mempunyai reka bentuk dan gaya unik yang dipengaruhi oleh budaya tempatan dan budaya asing dari luar. Wendy Khadijah Moore (2004) mengatakan bahawa seni bina di Malaysia berkembang mengikut pola pemikiran luar. Sebagai contoh, keunikan bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina oleh pihak penjajah mempunyai ciri-ciri Islam yang berasaskan seni bina “Moorish”. Pihak penjajah pula bersifat diplomasi terhadap budaya masyarakat Melayu Islam. Sikap ini dapat dilihat dalam menterjemahkan seni bina ini berdasarkan ruang lingkup pemahaman mereka sendiri tanpa mengkaji dengan mendalam sehingga ke akar umbinya. Misalnya dalam konteks seni bina di negeri Kelantan, bangunan-bangunan seperti rumah penduduk tempat dan individu yang berjawatan dalam negeri, pejabat daerah, masjid dan lain-lain juga telah mengalami asimilasi pemikiran reka bentuk yang cuba menampilkan ciri-ciri tempatan. Bagaimanapun, pengaruh luar khususnya daripada negara penjajah masih sukar untuk dihapuskan sepenuhnya walaupun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Zaman penjajah ini telah didatangi oleh kuasa-kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris sejak dari kurun ke-15 lagi. Kaum-kaum pedagang yang turut serta kemudiannya terutamanya dari negeri China membawa bersama idea-idea senibina rumah kedai dan rumah berderet. Bentuk binaan yang telah melalui evolusi telah memaparkan adunan senibina Cina, Melayu dan Eropah. Ini menjadikan satu bentuk identiti senibina yang dikenali sebagai '*straits eclectic style*' yang tersebar luas dikalangan negeri-negeri selat khususnya seperti Melaka, Selangor, Pulau Pinang dan Perak. Mohd Tajuddin (2014) mengatakan identiti keunikan sesebuah bangunan pada hari ini telah mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan senibina zaman penjajah atau senibina kolonial. Misalnya negeri Melaka mengadunkan pengaruh-pengaruh Portugis, Belanda dan Inggeris manakala di negeri Perak pula dipengaruhi oleh senibina kolonial Inggeris.

Pengkaji berpendapat bahawa perlunya satu kajian tentang keunikan pengaruh seni bina tempatan dan asing pada rumah yang dibina pada zaman tersebut terutama rumah tokoh-tokoh yang disegani masyarakat di Kelantan. Hal ini kerana negeri ini menerima banyak pengaruh dari segi sejarah, adat budaya dan seni bina yang dibawa masuk dari negara kolonial dan pengaruh dari Cina. Malahan, seni bina ini juga telah sehati di jiwa masyarakat tempatan sehingga mereka menganggap keunikan tersebut harus dikekalkan dan dapat disaksikan untuk generasi pada masa hadapan. Pemeliharaan juga penting agar warisan ini terus dijaga dan menjadi salah satu khazanah warisan yang menjadi kebanggaan dengan kemegahan rumah tersebut yang pernah dimiliki oleh pemimpin Islam yang disegani sewaktu ketika dahulu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penyelidikan adalah berkisarkan tentang keistimewaan senibina yang mana bertumpu kepada rumah Mufti Kelantan yang ke-7 iaitu Dato' Haji Ahmad Maher. Rumah tersebut adalah berlokasi di Kampung Wakaf Siku di Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan. Rumah tersebut yang terselindung di belakang sebuah restoran berada di dalam keadaan yang tidak terjaga dan tidak mendapat perhatian orang ramai. Menyedari akan hal ini, rumah tersebut perlunya diambil perhatian dan kerja-kerja untuk pemeliharaan diperlukan agar ia tidak disia-siakan begitu sahaja. Rumah yang sebegitu besar dan mempunyai pengaruh seni bina yang menarik mungkin melambangkan bahawa jawatan Mufti di Kelantan pada masa tu dipandang tinggi oleh rakyat tempatan. Pelbagai struktur binaan dilihat mempunyai karakter identiti tersendiri yang dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh binaan ketika era penjajahan terdahulu.

Menurut Abdullah Zakaria dan Ahmad Kamal Ariffin (2007) di buku bertajuk Warisan Kelantan XXIV telah menceritakan tentang latar belakang sebenar pemilik rumah yang dikaji tersebut. Nama diberi ialah Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, merupakan Mufti Kelantan yang ke-7 (dilantik pada Jun 1941). Beliau dilahirkan pada 1904 di Mekah apabila telah dibawa oleh ibunya Hajah To' yang datang ke Mekah bersama ayahnya untuk mengerjakan haji dan menuntut ilmu. Sebaik pulang daripada Mekah, beliau mula menetap di daerah Kemuning, seterusnya berpindah ke daerah Machang, Bachok dan akhirnya ke Kubang Pasu. Beliau telah menuntut ilmu dengan tokoh ulama terkenal di nusantara iaitu Tok Kenali, Haji Ali Pulau Pisang, Haji. Ahmad Hakim, Tok Khurasan, Haji Yaakob Gajah Mali dan lain-lain lagi. Bekas Mufti Mesir telah menggelarnya dengan gelaran "Maher" kerana kemahiran beliau dalam usul

feqah. Dato' Haji Ahmad Maher juga menjadi tokoh kebanggaan masyarakat di Negeri Cik Siti Wan Kembang kerana beliau merupakan anak Kelantan pertama mendapat Syahadah Alimiyyah (Sijil Tinggi) di Mesir dalam tempoh masa yang singkat. Beliau juga pernah menjadi pengarang Majalah Pengasuh terbitan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada awal tahun 1918.

Dalam pada itu, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Nazir Pelajaran di Pejabat Pelajaran MAIK pada 1 Julai 1931. Selama tempoh perkhidmatannya, beberapa pembaharuan telah berjaya dilaksanakan dalam sistem kurikulum pengajian halaqah kitab di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Hal ini telah menjadikan Masjid Muhammadi sebagai sebuah pusat pengajian ilmu Islam yang lebih bersistematik sehingga berjaya melahirkan ramai ilmuan Islam yang mahsyur dan dihormati. Kemudiannya pada 15 Oktober 1935, beliau menjawat jawatan Qadhi Besar Kelantan. Berikutan permohonan bersara oleh Dato' Haji Ibrahim Yusoff daripada jawatan Mufti pada Jun 1941, beliau dilantik memangku jawatan berkenaan sehinggalah apabila beliau disahkan dalam jawatannya pada 1hb Januari 1945. Beliau pernah mendapat gelaran Datuk Kaya Purba oleh Sultan Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Beliau kekal menjadi Mufti sehingga ke akhir hayatnya pada 16 Mac 1968, sewaktu usia 65 tahun. Beliau dikebumikan di Kubur Banggol, Kota Bharu, Kelantan.

Menurut En. Anis iaitu pewaris kepada Dato' Haji Ahmad Maher ada menyatakan bahawa tanah di kawasan rumah bekas Mufti Kelantan tersebut adalah di bawah pusaka adik-beradik daripada arwah isteri pertama beliau. Pada masa yang sama, bangunan Restoran Nasi Lemak Bersinar yang beroperasi di hadapan rumah tersebut juga adalah milik mereka dan telah disewakan. Menurut beliau juga, sebelum ini tapak rumah tersebut adalah dalam perancangan

untuk dijadikan tempat penginapan dengan mengekalkan struktur asal tetapi malangnya tertangguh akibat faktor-faktor tertentu. Tidak lama kemudian, rancangan tersebut terpaksa dilupakan kerana tidak mendapat kelulusan oleh pihak kerajaan negeri. Rumah tinggalan ini pernah ditambah struktur binaannya pada bahagian belakang sebagai tadika tetapi telah diberhentikan operasi.

Bagi pengkaji, bangunan ini sangat sesuai dijadikan produk perlancongan seperti sebuah galeri khas yang memaparkan tokoh-tokoh sejarah Kelantan termasuklah Dato' Haji Ahmad Maher yang mungkin menjadi tarikan para pelancong. Seperti yang diketahui, negeri Kelantan ramai melahirkan tokoh-tokoh agamawan dan ulama yang ulung sehingga menjadi golongan yang menegakkan syiar Islam negeri sehingga Kelantan digelar Negeri Serambi Mekah. Lebih menarik lagi, pengaruh seni bina bangunannya yang unik hasil gabungan seni bina Eropah, Cina, dan Melayu dapat menarik kunjungan orang ramai pada hari ini. Sekiranya kita pergi ke negeri seperti Terengganu, Pahang, Perak dan di lain-lain negeri, kita dapat melihat bangunan sebegini dipulihara dan dipelihara serta telah dijadikan galeri dan sebagainya. Oleh yang demikian, pengkaji telah mencuba untuk memartabatkan kembali nilai warisan ketara ini dengan menyedari bahawa ianya sesuatu yang sudah jarang dijumpai di era modenisasi ini.

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 1.1: Fasad Hadapan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 14 Disember 2019).



Rajah 1.2: Fasad Sisi Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 14 Disember 2019).

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah ialah bahagian yang akan menerangkan mengenai isu dan masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Bahagian ini amatlah penting dalam penyelidikan yang dijalankan. Di dalam bahagian ini menjadi kesediaan penyelidik untuk mempertahankan isu atau masalah yang ingin dikaji. Justeru itu, segala masalah yang telah dianalisis dan diselidiki oleh penyelidik dapat diterangkan secara mendalam mengapa kajian berkenaan perlu dijalankan. Pernyataan masalah ini telah diperoleh melalui pembacaan, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Selain itu, bahagian ini juga diperoleh melalui penelitian dokumen dan kajian lain berkaitan setiap objektif yang akan dicapai berserta dengan rujukan.

Masalah pertama yang menjadi isu adalah pembangunan telah memberi perubahan secara tradisional. Warisan semakin terhakis disebabkan perubahan secara tradisional dan pembangunan yang mencapai kemajuan. Pembangunan yang pesat telah meninggalkan kesan ketara dari segi kemusnahan, kepupusan, kehancuran dan kehilangan (Yuszaidy Mohd Yusoff, 2013). Hal ini dapat dilihat apabila rumah Dato' Haji Ahmad Maher telah tersisih daripada celah-celah bangunan yang membangun dengan pesat. Buktinya, di sekelilingnya telah didirikan bangunan pencakar langit seperti kondominium, rumah kedai dan kawasan perumahan teres. Oleh yang demikian, kepentingan memastikan ciri-ciri estetika bangunan warisan perlu tersemat dalam jiwa seterusnya dihayati walaupun berlaku perubahan secara fizikal kesan daripada arus pembangunan yang pesat di sekitarnya (Norashikin Hj. Hassan, 2005).

Seterusnya, kesedaran daripada masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan bersejarah sememangnya sekian lama

dipraktiskan di negara kita. Namun begitu, kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga dan memelihara warisan masih ditahap yang rendah (Yuzana Muhammad, 2019). Hal ini seolah-olah mengabaikan kepentingan sesuatu warisan yang mempunyai nilai sejarahnya tersendiri. Manakala menurut Lindsay (2019), beliau juga menegaskan bahawa kegagalan memupuk kesedaran di kalangan pelbagai lapisan masyarakat menyebabkan usaha mengembeleng asset warisan untuk pelbagai kegunaan semasa menjadi sukar. Justeru hal ini menjadi faktor rumah bekas kediaman Mufti Kelantan ke-7 ini berada dalam keadaan yang tersisih daripada masyarakat di mana mungkin memberi ancaman kepada perkara-perkara yang boleh mengubah landskap nilai warisan rumah.

Akhir sekali, persepsi masyarakat terhadap keunikan senibina tempatan masih berada di tahap yang rendah. Menurut A. Ghafar Ahmad (2003), beliau menyatakan bahawa kerja-kerja konservasi bukan sahaja berkait rapat dengan struktur bangunan malah membayangkan kepada kita tentang budaya sesuatu masyarakat tersebut. Segelintir masyarakat masih mengikis persepsi yang negatif dengan beranggapan bahawa bangunan lama adalah sebagai tempat yang patut diruntuhkan, ketinggalan zaman dan seni binanya tidak lagi relevan berbanding senibina yang jauh lebih moden hari ini. Wan Hashimah (2012) dan Shahrul (2013) juga telah menemui jawapan dalam kajian mereka dengan meletakkan pandangan songsang masyarakat sebagai antara faktor kelemahan pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap warisan. Walaupun senibina merupakan entiti bagi sesuatu bangsa, tidak mustahil bagi mereka untuk menjadi penggerak kepada pemeliharaan jika kurangnya penghayatan pada sesuatu nilai warisan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu keperluan dalam penyelidikan untuk memastikan kajian penyelidik mencapai tujuan yang sebenar. Antara objektif yang ingin diraih dalam kajian ini adalah:

- i. Mengetahui sejarah rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Bandar Kota Bharu, Kelantan.
- ii. Mengkaji ciri-ciri pengaruh seni bina yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher.
- iii. Mencadangkan kaedah pemeliharaan yang sesuai pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Antara persoalan di dalam kajian ini ialah:

- i. Bagaimanakah sejarah rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Bandar Kota Bharu, Kelantan?
- ii. Apakah ciri-ciri pengaruh seni bina yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad?
- iii. Bagaimanakah cadangan kaedah pemeliharaan yang sesuai pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher?

1.6 **Keputusan Kajian**

Pengkaji yang membuat kajian mestilah mempunyai kepentingan dan nilainya kepada semua pihak serta dapat memberi manfaat atau faedah kepada pembaca. Hal ini juga menjadi kepentingan dalam menyumbang kepada penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kajian. Kajian berkaitan warisan ketara rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini sememangnya dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Antara kepentingan yang ingin dicapai pengkaji menerusi kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1 **Individu**

Dari segi individu, kajian ini dapat merungkai sejarah dan asal-usul rumah bekas Mufti Kelantan iaitu Dato' Haji Ahmad Maher yang berestetika namun jarang diketahui khususnya oleh masyarakat Kelantan sendiri. Dalam hal ini, maklumat berkaitan rumah tersebut dapat diperolehi melalui orang sumber yang betul dan sah tanpa sebarang dapatan yang ditokok tambah. Dalam pada itu, kajian ini memberi ruang kepada pengkaji masa hadapan untuk menyambung legasi kajian melalui skop kajian yang sama dengan berlandaskan sorotan kajian yang tepat dan sah yang dibuat pada masa kini. Selain itu, kajian yang dijalankan mampu memberi manfaat kepada pemilik atau pewaris rumah Dato' Haji Ahmad Maher dengan adanya rangka cadangan cara pemeliharaan. Pemilik atau pewaris dapat menaiktaraf atau mengubah rumah tersebut untuk dijadikan tempat tinggal atau apa-apa produk perlancongan yang menjana ekonomi sendiri.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini juga adalah dalam usaha untuk mewujudkan tahap kesedaran masyarakat terhadap nilai bangunan bersejarah khususnya rumah bekas Mufti Kelantan yang telah terbiar dan tiada pihak yang mengambil tanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaannya. Hal ini demikian kerana rumah ini telah wujud sejak berpuluh tahun dahulu, berkemungkinan pembinaannya telah dibuat sebelum Malaysia merdeka lagi. Oleh itu, dikatakan rumah milik Dato' Haji Ahmad Maher memiliki keunikan nilai sejarah yang tersendiri. Sekiranya kepentingan nilai warisan rumah ini dapat diketengahkan, berkemungkinan akan memberikan impak positif kepada pemuliharaan warisan seni bina sekali gus membuka mata masyarakat untuk lebih menghargai warisan negara khususnya di negeri Kelantan.

1.6.3 Pihak Berkuasa Tempatan

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher memiliki nilai warisan yang masih tidak terungkai meskipun telah dibina sejak puluhan tahun dahulu. Keunikan seni bina bangunan sudah pastinya terselit kisah sejarah yang mungkin mampu mempengaruhi pembangunan negeri dari segi sektor pelancongan. Tambahan pula, jika rumah tinggalan ini diselenggara berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, sudah pastinya keadaan rumah ini lebih terjaga dengan sempurna dan tidaklah dibiarkan kekosongan. Era pemodenan pada masa kini sedikit sebanyak membantu dalam penjanaan idea-idea baru untuk membuat penginovasian pada rumah lama itu seperti yang pernah

dicadangkan sebelum ini untuk dijadikan tempat penginapan. Pewartaan rumah ini sememangnya mampu memelihara nilai warisan seni bina yang sedia ada sekaligus mempengaruhi pembangunan negeri Kelantan.

1.6.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)

Projek penyelidikan ini membolehkan konservator negara untuk turut mengkaji mengenai kepentingan nilai warisan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Kota Bharu. Secara umumnya, tiada langkah untuk pemuliharaan rumah ini seperti Rumah Wanpo, Rumah Haji Dobi, dan lain-lain lagi rumah Warisan yang disenaraikan didalam perlindungan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bagi membolehkan rumah ini juga termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, konservator perlu merencanakan kaedah pemuliharaan bagi meminimumkan kemerosotan bangunan lama ini. Justeru, pihak konservator mahupun Jabatan Warisan Negara mampi mendapat pelbagai manfaat daripada projek penyelidikan yang dilaksanakan ini. Hal ini demikian kerana mereka mampu merungkai sejarah yang mungkin tidak diketahui oleh mana-mana pihak. Ianya sekaligus mampu meningkatkan koleksi warisan negara.

1.6.5 Institusi

Projek penyelidikan ini merupakan Laporan Projek Akhir yang dilaksanakan oleh pengkaji sebagai syarat dalam memenuhi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Pengkaji berharap dengan terhasilnya projek penyelidikan ini, pelajar mampu mengetahui mengenai

rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang memiliki nilai sejarah yang jarang diketahui oleh masyarakat setempat. Ilmu pengetahuan mengenai warisan merupakan satu perkara penting bagi pelajar Pengajian Warisan kerana mereka adalah generasi baru yang bertanggungjawab memelihara dan memelihara bangunan warisan seperti rumah tinggalan sejarah tersebut. Jika projek penyelidikan ini berjaya membuka mata pelbagai pihak termasuklah Jabatan Warisan Negara dan masyarakat, nama Universiti Malaysia Kelantan akan turut terpalit seterusnya menaikkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

1.6.6 Pelancongan

Bangunan bersejarah mempunyai potensi dijadikan sebagai produk pelancongan sekiranya dipelihara dan diubahsuai fungsi asalnya. Keunikan seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher berupaya menarik pelancong asing untuk datang berkunjung ke Kelantan bagi melihat sendiri nilai warisan yang terdapat pada gabungan pengaruh seni bina lama ini. Dalam hal ini, sememangnya sukar untuk kita menjumpai rumah yang dibina pada zaman silam yang mempunyai pengaruh senibina tempatan dan asing pada hari ini. Diharapkan dengan projek penyelidikan ini, rumah Dato' Haji Ahmad Maher mampu menjadi salah satu destinasi yang ingin dikunjungi oleh pelancong. Bahkan bukan sahaja sektor pelancongan akan ditingkatkan malahan pendapatan negara juga mampu dilipat gandakan. Selain itu, pendedahan mengenai warisan pengaruh seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher turut dapat dilaksanakan sekaligus menaikkan nama negara di dalam bidang seni bina.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada rumah Dato' Haji Ahmad Maher sahaja iaitu yang berlokasi di Kampung Wakaf Siku berdekatan Jalan Kuala Krai dalam daerah Kota Bharu, Kelantan. Rumah tinggalan yang berlokasi di bandar Kota Bharu dahulunya merupakan kediaman bekas mufti Kelantan yang ke-7 iaitu pada tahun 1941. Dalam bab ini, akan diterangkan dengan terperinci sejarah rumah secara terperinci. Memandangkan rumah tersebut telah beberapa kali mengalami perubahan dari segi penggunaan rumah tersebut antaranya pernah menjadi tempat Taman Didikan Awal Kanak-Kanak (Tadika). Kajian ini akan melibatkan pewaris rumah tersebut yang membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang sahih dan tepat untuk kepentingan kajian ini.

Dalam pada itu, dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan ciri-ciri keistimewaan pengaruh seni bina yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Seperti sedia maklum, seni bina sesebuah bangunan yang lama mungkin mempunyai peratusan yang tinggi terdedah kepada pengaruh tempatan atau asing secara langsung dan tidak langsung. Pengkaji akan mengfokuskan keistimewaan senibina rumah tinggalan dengan melalui kajian terhadap bumbung, dinding, tangga, corak, bahan binaan dan sebagainya

Bab ini juga akan menerangkan cadangan pemeliharaan melalui cadangan atau cara yang dapat memartabatkan rumah Dato' Haji Ahmad Maher di mana patut diberi perhatian daripada terus terbiar tanpa sebarang tindakan sewajarnya. Persepsi orang tempatan dan tindakan sewajarnya dari pihak berkuasa. Pengkaji akan mencadangkan pemeliharaan dengan berpandukan piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

Kesimpulannya, pengkaji melihat rumah Dato' Haji Ahmad Maher telah berada dalam keadaan yang tidak terjaga dan tenggelam akibat pembangunan yang pesat di bandar. Oleh yang demikian, disebabkan rumah ini mempunyai nilai bersejarah dan keistimewaannya yang tersendiri, kajian ini mempunyai matlamat dalam menumpukan kajian seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Hal ini disebabkan ia mampu menarik orang ramai untuk melihat sendiri rekaan rumah tersebut yang bercirikan gabungan seni bina Melayu, Inggeris dan Cina. Hal ini sekaligus mengelakkan kerugian kepada masyarakat di Kelantan kerana sememangnya amat jarang sekali untuk menemui rumah tinggalan warisan atau tradisional yang mempunyai nilai estetik kekal utuh pada masa kini.

1.8 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan, penyelidik harus mengakui bahawa bukan semua masalah boleh dikaji dan diselesaikan dalam satu kajian sahaja, Oleh itu pengkaji perlu menyatakan had atau batasan kajian untuk pembaca. Dalam hal ini, kajian yang dilakukan berkenaan Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara sememangnya mempunyai batasan dalam mendapatkan maklumat dalam menyempurnakan objektif kajian yang dibuat.

Dalam batasan kajian pengkaji lebih tertumpu kepada rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Kampung Wakaf Siku, Kota Bharu Kelantan. Rumah tinggalan ini mempunyai beberapa gabungan senibina Eropah, Melayu dan Cina ini dahulunya merupakan kediaman bekas Mufti Kelantan yang ke-7. Kajian ini akan menerangkan secara terperinci terhadap sejarah pembinaan rumah tersebut. Misalnya, pengkaji ingin mendapatkan kesahihan memandangkan rumah tersebut

telah beberapa kali mengalami perubahan dari segi penggunaan dan penambahan struktur ekoran daripada faktor-faktor persekitaran tertentu.

Selain itu, batasan kajian ini menumpukan kepada ciri-ciri pengaruh yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Hal ini lebih kepada mengfokuskan identiti seni bina yang terdapat pada rumah tersebut yang dipercayai mempunyai nilai estetika yang tinggi terhadap pengaruh tempatan dan asing. Walaupun segelintir masyarakat tidak menyedari akan kewujudan rumah bekas mufti tersebut, namun identiti seni binanya dari segi luaran tampak unik kerana berbeza berbanding dengan senibina rumah yang biasa didiami oleh masyarakat setempat seperti rumah yang di kawasan perkampungan yang ada di belakang rumah tersebut. Batasan terhadap keistimewaan senibina rumah tinggalan dengan ini juga adalah melalui kajian terhadap corak yang terdapat pada struktur-struktur binaan yang dikaji serta bahan binaan yang digunakan.

Batasan kajian ini juga hanya menerangkan cadangan pemeliharaan melalui kaedah atau cara yang sesuai dalam memartabatkan rumah Dato' Haji Ahmad Maher di mana patut diberi perhatian daripada terus terbiar tanpa sebarang tindakan sewajarnya. Cadangan ini merupakan rentetan daripada kerosakan yang berlaku ke atasnya, persepsi masyarakat tempatan dan tindakan sewajarnya dari pihak berkuasa. Pengkaji akan mencadangkan pemeliharaan dengan berpandukan piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) melalui kerjasama orang awam, institusi pendidikan, NGO, dan lain lain lagi. Diharapkan ia dapat membuka lembaran yang baru dalam menghargai sesuatu bangunan yang mempunyai nilai estetika yang boleh mendatangkan manfaat kepada semua pihak termasuklah pewaris Dato' Haji Ahmad Maher.

1.9 Definisi Terminologi

Terminologi secara asasnya berhubung dengan nama dengan proses penamaan. Menurut Puteri Roslina (2005), terminologi ialah pengajian dan bidang aktiviti yang memberikan tumpuan kepada pengumpulan, penghuraian, pemprosesan, dan penyampaian istilah. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat pula mentafsirkan terminologi sebagai kajian yang dilakukan tentang istilah atau kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang atau ilmu. Pengkaji telah mengfokuskan kajian penyelidikan terhadap Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara.

1.9.1 Keistimewaan

Kamus Dewan Edisi Kedua mendefinisikan keistimewaan khas untuk memberi maksud tertentu yang tidak sama dengan yang lain atau lain daripada yang lain. Keistimewaan juga membawa maksud yang sama terhadap keunikan, kelebihan, keunggulan, luar biasa, tersendiri dan khusus tertentu. Keistimewaan ini digunakan dalam menyelidik nilai estetika yang terdapat pada fabrik fizikal pada tempat kajian iaitu binaan rumah. Senibina yang berbeza daripada senibina rumah tempatan yang telah menimbulkan persoalan pengkaji di dalam mengetahui secara dekat akan ciri-ciri keistimewaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Lagipun, tidak mustahil dengan keberadaan saiz rumah yang besar dan keunggulan seni bina melambangkan ketinggian jawatan yang telah dipegang dalam tampuk pemerintahan negeri atau negara (Mohammad Nazri, 2016).

1.9.2 Senibina

Pengertian seni bina memberi kefahaman dan pentafsiran yang berbeza dikalangan arkitek dan juga ahli akademik. Senibina bermaksud satu bidang seni untuk mendirikan bangunan dan reka bentuk yang direka oleh manusia. Menurut penulis Rom, seni bina adalah seni yang timbul daripada kesenian yang lain dan dihiasi dengan banyak dan pelbagai segi pembelajaran dengan bantuan yang terbentuk daripada karya-karya yang merupakan hasil daripada seni yang lain. Ibnu Khaldun dalam karyanya al-Muqadimah, seni bina merupakan satu aspek daripada asas tamadun yang paling utama yang merupakan lambang atau suatu menifestasi daripada keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun purba. Pada zaman tersebut, senibina yang bermutu dihasilkan dan sehingga kini masih lagi wujud walaupun dalam bentuk usang dan hampir runtuh. Pada pandangan Barat, mereka banyak menumpukan kepada aspek fizikal terutamanya menyentuh berhubung struktur bangunan, identiti dan dekorasi.

1.9.3 Mufti

Az-Zarkasyi (2008) mendefinisikan mufti sebagai orang yang memiliki ilmu hukum-hukum syariah dengan kuat yang dekat dari perbuatannya. Manakala Ash-Shairafi mendefinisikan Mufti adalah orang yang menangani isu-isu agama untuk orang-orang, di mana dia mempunyai pengetahuan mengenai Al-Quran dan Sunnah, baik yang nasikh (menghapus) atau mansukh (dihapuskan). Menurut Awang Abdul Muizz (2018), mufti mempunyai gelaran yang dipanggil Samahah yang bermaksud yang memudahkan. Hanya Mufti Kerajaan Negeri serta Mufti

Wilayah Persekutuan yang layak menggunakan gelaran ini dengan sedikit perbezaan, iaitu Sahibus Samahah. Walau bagaimanapun, peruntukan gelaran tersebut untuk orang-orang kenamaan selain Mufti tertakluk kepada keputusan rasmi serta amalan lazim kerajaan negeri yang berkaitan serta Kerajaan Persekutuan. Allahyarham Dato' Haji Ahmad Maher Bin Haji Ismail merupakan bekas Mufti ke-7 Kelantan yang paling lama berkhidmat iaitu selama 27 tahun dari tahun 1941 sehingga 1968. Beliau merupakan mufti yang disegani ramai apabila banyak pembaharuan terhadap syiar Islam yang lebih teratur dan sistematik.

1.9.4 Khazanah Warisan

Definisi khazanah atau *treasure* di dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua menyatakannya sebagai tempat menyimpan harta benda atau perbendaharaan. Selain harta benda, khazanah juga sebagai benda kepunyaan (hak), kumpulan atau himpunan yang bernilai. Warisan menurut Jabatan Warisan Negara adalah sesuatu yang diterima secara turun termurun daripada satu generasi ke satu generasi. Kamus Dewan pula mendefinisikan warisan sebagai harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun-temurun atau peninggalan. Khazanah warisan adalah merangkumi landskap, tempat bersejarah, tapak atau persekitaran yang dibina, koleksi, amalan budaya, pengetahuan dan pengalaman hidup. Menurut Wahab Lilawati (2013), bangunan bersejarah adalah antara sebahagian daripada khazanah warisan negara yang wajar dipulihara dari masa ke semasa untuk tatapan generasi akan datang. Dari segi khazanah warisan ini, Malaysia kaya dengan bangunan sebelum dan

selepas perang yang masih wujud dan kukuh sehingga kini. Misalnya, Taiping telah diwartakan sebagai bandar warisan yang pertama di Perak yang kaya dengan warisan khazanah sejarahnya. Dalam kajian ini, pengkaji juga menumpukan kepada pemeliharaan khazanah warisan yang terdapat di negeri Kelantan iaitu rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Rumah yang telah dipinggirkan akibat pembangunan pesat di bandar Kota Bharu mempunyai seni bina yang unik apabila menerima pengaruh daripada Melayu, Cina dan Eropah.

1.9.5 Pemeliharaan

Pemeliharaan (*Preservation*) adalah termasuk daripada proses konservasi bagi bertujuan untuk mengekalkan signifikan warisan sesuatu tapak atau objek bagi memastikan integriti dan kelestarian tidak terganggu. Pemeliharaan didefinisikan sebagai proses pengekalan fabrik tapak atau objek pada keadaan asal supaya tidak mengalami kerosakan dari masa ke semasa. Dalam pemeliharaan, ia bertumpu kepada teknik memperlakukan proses kemerosotan, pereputan atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur. Selain itu, prosesnya juga merupakan satu cara pembaikan keadaan struktur untuk menjadikannya selamat dan boleh didiami atau berguna. Dari segi penyelenggaraan, hanya pada kadar yang biasa atau pembaikan kecil yang tidak mengubah rupa atau sejarah. Tumpuan kerja pemeliharaan ditumpukan dalam kajian ini melibatkan rumah tinggalan lama yang pernah didiami oleh bekas Mufti ketujuh Kelantan iaitu Dato' Haji Ahmad Maher. Bangunan yang tersergam indah di tengah kepesatan

bandar Kota Bharu harus dipelihara agar nilai signifikannya yang unik dari segi pengaruh seni bina dapat dikekalkan dan menjadi tatapan masyarakat.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ataupun penyelidikan ini adalah menyentuh berkaitan bagaimana keistimewaan ciri-ciri seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher dapat dikupas atau dikaji untuk mengetahui unsur gabungan yang berlainan. Dalam mendapatkan maklumat tersebut, hal ini tidak akan lengkap sekiranya tidak mendapat kebenaran dan pengetahuan maklumat tentang keberadaan rumah tersebut secara sahinya daripada orang sumber yang betul. Oleh itu, kajian ini dijalankan mengikut kaedah-kaedah kualitatif dan kuantitatif yang digariskan untuk mendapatkan hasil dalam bentuk tesis. Setiap objektif kajian dijalankan melalui metodologi kajian yang telah dipilih oleh pengkaji bagi menentukan hala tuju kajian ini hingga ke akhirnya.

Kajian ini secara langsung dapat menyedarkan orang ramai bahawa sesuatu bangunan yang dikatakan mempunyai integriti dan nilai estetik yang tinggi berkaitan warisan bangsa haruslah diambil langkah sewajarnya dalam memeliharanya daripada tenggelam dek arus permodenan pesat. Kerjasama daripada pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan dan penduduk tempatan harus digembleng terhadap nilai warisan ketara yang dikaji ini. Sesuatu seni bina sememangnya merupakan sesuatu yang sering berubah dari semasa ke semasa, dan mempunyai risiko yang lebih tinggi dengan binaan pengaruh moden. Oleh itu, sebagai tanda menghargai sesuatu warisan pada masa ini, seharusnya ia dikekalkan melalui cara pemeliharaan yang efisien demi memperlihatkan identiti seni bina ini di masa akan datang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan Kajian atau Kajian Literatur merupakan pernyataan fakta yang menyokong sesuatu objektif. Ia membuktikan bahawa teori yang digunakan bukanlah hanya rekaan. Dalam erti kata lain adalah hasil kajian yang pernah dilaksanakan individu lain pada sebelumnya berkaitan kajian yang dibuat pada masa kini. Menurut Bryman & Bell (2003), sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam perpustakaan atau literature berkenaan topik atau fokus kajian penyelidikan. Sorotan itu perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensistesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih (Creswell, 2005). Di dalam sorotan kajian ini juga terkandung pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih pengkaji.

Tujuan sorotan kajian ini dibuat adalah memberikan asas teori untuk penyelidikan seterusnya memberi idea yang relevan mengenai makna dan hubungan antara pemboleh ubah (Kamarul, 2015). Sorotan kajian ini mampu menjelaskan tentang status kajian di luar sama ada telah banyak diterokai atau sebaliknya. Biasanya sorotan kajian dilaksanakan berdasarkan bahan rujukan bercetak seperti artikel, buku, jurnal, makalah, tesis, surat khabar atau kenyataan

daripada seseorang pakar. Di samping daripada bahan bercetak, sorotan kajian juga boleh dilakukan melalui media elektronik di laman sesawang atau web dalam rangkaian internet. Beberapa kajian literatur telah digariskan berkaitan tajuk kajian iaitu Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara.

2.2 Pengaruh Senibina di Malaysia

Sebelum terbinanya rumah-rumah batu ini, rumah kediaman masyarakat tempatan diperbuat daripada kayu serta tumbuhan, dan lebih dikenali sebagai rumah Melayu. Hakikatnya, pembinaan rumah Melayu terawal dipengaruhi oleh faktor iklim, agama, sosial, dan persekitaran. Kawasan hutan tanah Melayu pada waktu itu yang subur dan sesuai untuk pertanian telah merencanakan penempatan dan pembinaan rumah Melayu di kawasan tersebut. Di dalam kajian *Kepelbagaian Seni Bina dan Struktur Bangunan Bersejarah di Melaka* hasil penulisan Zahir Zainudin, Rozilah Azizan, Lim Lih Jian, Anis Mastura Mohd Rodzi, Hafiza Abd. Razzak, Rashidah Dawood dan Nur Fakhira Ismail (2014), menyatakan perkembangan seni bina di Tanah Melayu sejak berkurun-kurun lamanya kaya dengan warisan unsur-unsur ketimuran dan kebaratan. Selepas seni bina vernakular berlalu, lahir pula seni bina yang mempunyai ciri-ciri kebaratan melalui zaman penjajah kuasa-kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Bentuk binaan yang telah melalui evolusi lalu menjadi satu bentuk identiti seni bina yang dikenali sebagai '*Straits Electic Style*'.

Negeri-negeri yang dikenali dengan nama negeri selat seperti Melaka, Pulau Pinang dan Perak mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan seni bina

kolonial. Misalnya negeri Melaka mengadunkan pengaruh Portugis, Belanda dan Inggeris. Menurut Hussin Jalid (1985), bangunan yang dibina di Malaysia kebanyakannya merangkumi lambang senibina Nusantara yang biasanya mempunyai perbezaan dari segi bumbung curam, bumbung bertingkat tirus dan juga menaranya. Bangunan yang terdapat di Kelantan dan Terengganu amat terkenal dengan kepelbagaian motif ukiran yang mengikut kreatif sendiri. Lazimnya motif flora, geometri serta kaligrafi yang diterapkan pada bangunan selalu digunakan dalam senibina bangunan kerana menggambarkan identiti Melayu Nusantara. Namun, pelbagai teori diketengahkan dalam proses mengkaji asal usul motif ukiran ini. Menurut Farish dan Eddin (2003), motif yang lazim digunakan seperti flora menyumbang kepada identiti rantau timur yang berasal dari Empayar Langkasuka. Motif-motif seperti flora, geometri, dan kosmik yang terdapat pada panel daun pintu, dinding-dinding, susur tangan dan komponen pengudaraan mempunyai bentuk dan saiz yang berbeza (Ismail, 2001).



Rajah 2.1: Ukiran Motif Flora Rumah Melayu Tradisional Terengganu.

(Sumber: <https://jejakmihrabmimbar.wordpress.com/identiti-senibina-terengganu>)

2.3 Identiti Senibina Melayu

Pengaruh senibina tradisional Melayu mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri samada dari segi rupa bentuknya ataupun perancangannya di dalam komuniti perkampungan. Ini Secara langsung dipengaruhi oleh corak kehidupan seharian penduduk tempatan yang kebanyakannya bekerja sebagai pesawah padi. Disebabkan inilah wujudnya konsep perancangan rumah tradisional Melayu di mana banyak dikaitkan dengan aspek-aspek kehidupan serta keagamaan orang-orang Melayu. Kita percaya bahawa orang Melayu kaya dengan falsafah-falsafahnya yang tersendiri di mana setiap sesuatu yang dibuat itu mempunyai alasan serta tujuannya (Azmi & Mansor, 1988).

Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun di dalam penulisan artikel 'Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina Di Malaysia' yang diterbitkan pada tahun 2005 menyatakan kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah memberi pengaruh besar kepada corak budaya hidup masyarakat pada masa itu termasuklah dari segi binaan bangunan. Senibina rumah Melayu dapat dilihat dengan teknologi binaan yang ringkas dan mudah menggunakan bahan-bahan dari alam semulajadi yang diperolehi dari hutan seperti daun nipah, ijuk, rumbia dan bertam untuk atap atau bumbung. Gaya senibina rumah Melayu mempunyai berbagai ragam hias atau motif ukiran dan bentuk binaan yang mengikut pengaruh negeri-negeri Melayu dan Nusantara iaitu Indonesia dan Thailand.

Senibina rumah Melayu juga mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun sesuatu bangsa di mana setiap bentuk dan binaannya mempunyai sebab dan maksud. Sebagai contoh, pembinaan rumah Melayu berpintu rendah bertujuan supaya setiap orang yang memasuki rumah akan menundukkan kepala bagi mengelakkannya terhantuk. Ianya menjadi lambang kepada adab bersopan

santun di samping sebagai tanda menghormati tuan rumah (Zarinah Sarifan, 2000). Semasa rumah dibina, aspek keselamatan fizikal dititikberatkan untuk menghindarkan penghuni rumah itu dari bala bencana, seperti banjir dan binatang buas. Tingkap dibina hingga ke paras lantai atau ke paras pinggang penghuni ketika duduk bersila agar udara nyaman dapat masuk dengan mudah ke dalam rumah sekaligus memberi keselesaan kepadanya. Kedatangan agama Islam telah mengubah reka bentuk seni bina rumah Melayu tradisional “pisang sesikat” yang tidak berbilik kepada rumah berbumbung panjang yang mempunyai bilik dan ruang-ruang lain seperti kelek anak, selang dan anjung untuk memisahkan lelaki dan perempuan yang bukan muhrim yang tinggal di bawah bumbung yang sama.



Rajah 2.2: Senibina Rumah Tradisional Melayu.

(Sumber: <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayuantara-senisains-kuno-reality/>)

2.4 Identiti Senibina Eropah Di Malaysia

Gaya rupa seni bina negara ini telah mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Pada masa itu, arkitek yang baru tamat pengajian di luar negara

telah membawa fahaman baru tentang seni bina ke bandar utama di negara ini yang sebelumnya melaksanakan pendekatan reka bentuk seni bina eropah, seperti Anglo-Indian dan eklektik. Seni bina di barat mengkehendaki seni bina yang lebih banyak berkomunikasi dengan aspek sosio-budaya dan sejarah lokal. Misalnya, hasil seni bina yang terulung daripada prinsip yang digariskan oleh eropah adalah *The Red House* yang direkabentuk Philip Webb pada tahun 1859. Reka bentuk itu menunjukkan tentang pengintegrasian antara seni bina tradisi, budaya hidup semasa penghuni, fungsi ruang dan kemampuan teknologi semasa dalam suasana yang harmoni. Tingkap dan pintu gerbangnya dibina ringkas tanpa sebarang hiasan atau ukiran. Reka bentuk pelan lantai, tingkap dan gerbang pada rumah itu jelas menampakkan prinsip reka bentuk berdasarkan fungsi. Bahan binaan yang utamanya adalah batu-bata merah yang disusun mengikut kaedah seni bina vernakular. Reka bentuk bumbungnya adalah berdasarkan reka bentuk rumah tradisional Inggeris di sekitarnya, maka selaras dengan prinsip mengambil kira konteks seni bina setempat.

Prof. Dr Mohd Tajuddin Mohd. Rasdi di dalam penulisan buku Warisan Senibina Kolonial Malaysia menyatakan penjajah barat, terutamanya British telah membentuk seni rupa bandar dengan menggabungkan warisan tradisional tropika dan keindahan perkadaran klasikal dengan budaya setempat. Penjajah British juga telah menggabungkan bahasa seni bina klasik Eropah dengan butiran vernakular Melayu dan menghasilkan banyak bangunan unik beriklimkan tropika. Misalnya, penggunaan tingkap *clerestory* dan *jack proof* telah menghasilkan bangunan daripada batu yang bukan sahaja tegap dan kalis api, tetapi juga mempunyai kesan terma yang baik. Perkadaran yang tertib amat diperlukan bagi sesebuah negara seperti Malaysia yang berbilang kaum dan progresif. Pengaruh

senibina eropah yang berlaku dengan pesat menyebabkan senibina setempat tidak sempat berkembang dengan senibina moden. Namun, Malaysia bernasib baik kerana tempoh 200 tahun pemerintahan Inggeris telah menjadi asas kepada perkembangan reka bentuk seni bina yang mempunyai potensi untuk dijadikan contoh seni bina masa kini.



Rajah 2.3: Mahkamah Batu Gajah di Perak Berunsurkan Senibina Inggeris.

(Sumber: <https://penseipatahtunteja.blogspot.com>)

2.5 Identiti Senibina Cina Di Malaysia

Kajian Dr. Siti Norlizaiha Harun di dalam 'Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina Di Malaysia' pada tahun 2015 juga menyatakan seni bina bangunan di Malaysia juga mempunyai pengaruh China. Misalnya di dalam senibina traditional Melaka, ia kaya dengan keunikannya dengan adanya unsur-unsur senibina asing contohnya unsur-unsur senibina Cina yang diseragamkan pada binaan rumah kediaman Melayu Melaka mengikut kehendak-kehendak

masyarakat tempatannya sendiri. Seni bina Cina ini mempunyai pengaruh yang besar ke atas gaya seni bina Korea, Vietnam, dan Jepun sejak dinasti Tang. Seni bina Cina di Malaysia terdiri daripada dua jenis iaitu tradisional dan Baba-Nyonya. Contoh seni bina tradisional adalah tokong Cina di seluruh negara seperti tokong Cheng Hoon Teng yang dibina pada tahun 1646. Kebanyakan seni bina warisan Baba-Nyonya dapat dicari di sekitar Pulau Pinang dan Melaka seperti rumah lama yang dibina dengan halaman dihiasi jubin cantik serta warna-warni. Ini jelas memperlihatkan bahawa pengaruh seni bina china telah bergabung dengan seni bina tempatan membentuk situasi penuh mesra dan harmoni.

Pengaruh ini juga bersandarkan kepada pelayaran Cheng Ho yang berlaku sekitar abad ke-15 M, telah membawa bersama keunikan reka bentuk dan seni bina Cina ke Nusantara. Berdasarkan kajian sejarah, Pengaruh seni bina dan dekorasi cina misalnya ke atas seni bina masjid di Melaka terjadi apabila berlakunya hubungan erat antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan China semenjak Zaman Parameswara dan Dinasti Ming. Pada tahun 1411, Parameswara telah melawat ke Peking diikuti dengan kunjungan balas Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada tahun 1409. Hubungan ini diteruskan di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah malahan hubungan Melaka dengan China kian akrab di zaman Sultan Mansor Shah dengan berlakunya perkahwinan antara Sultan Mansor Shah dengan Puteri China, Hang Li Po. Hubungan erat ini memungkinkan kedatangan perdagangan China untuk berniaga di Negeri Melaka. Terdapat sebilangan dari mereka terus menetap dan berkahwin dengan wanita tempatan. Ini memberi ruang di dalam proses asimilasi budaya diantara dua bangsa yang berbeza termasuk gaya seni bina sesebuah bangunan dengan terhasilnya suatu yang unik dan menarik dengan ciri-ciri kecinaannya.



Rajah 2.4: Tangga Batu Bersalut Jubin Berpengaruh Seni Bina Cina Pada Rumah Tradisional Melaka.

(Sumber: <https://www.hmetro.com.my/node/191362>)

2.6 Peranan Jawatan Mufti Dalam Hal Ehwal Perundangan Islam.

Menurut buku nukilan Azman Ab Rahman, Zahari Mahad Musa, Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Adel M. Abdul Aziz. (Biografi Mufti-Mufti Malaysia; xi), Mufti merupakan individu yang memainkan peranan dalam menguruskan isu-isu yang berkaitan agama sama ada dari segi ibadat, muamalat, jenayah dan sebagainya. Peranan utamanya adalah sebagai pihak berkuasa kepada perkara-perkara yang berkaitan penentuan hukum Syarak dan sebagai penasihat dalam agama Islam umumnya. Di Malaysia, hal ehwal perundangan Islam diperuntukkan di bawah bidang kuasa negeri, dengan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing dan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam di negeri yang tidak mempunyai raja dan Wilayah Persekutuan

(Perlembagaan Persekutuan, perkara 3). Oleh sebab itu, enakmen undang-undang Islam digubal di Dewan Undangan Negeri, termasuk untuk mewujudkan institusi mufti, mahkamah syariah dan majlis agama Islam di bawah kuasa raja. Mufti dilantik oleh raja dan berdasarkan seksyen 47 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388), mufti boleh dilucutkan jawatannya oleh raja (Abd. Aziz Bari, 2005).

Mufti juga merupakan seorang ulama yang diberikan mandat untuk mengeluarkan fatwa (Othman, 1981) bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan agama Islam, terutama yang berkaitan dengan isu berbangkit yang berkaitan dengan keabsahan sesuatu pemikiran atau amalan dan isu yang tidak disentuh atau yang tiada nas dalam al-Quran ataupun hadis. Dalam hal ini, mufti akan memberikan pendapatnya untuk menyelesaikan soalan berbangkit tersebut. Antara entiti yang boleh merujuk atau menanyakan soalan berbangkit kepada mufti termasuklah pemerintah, hakim dan juga individu (Mohd. Daud Bakar, 1997). Untuk menyelesaikan masalah berbangkit, mufti harus mempunyai kelayakan sebagai mujtahid (orang yang berkelayakan mengeluarkan ijtihad), dan dengan itu keputusan dapat dibuat berdasarkan sumber undang-undang Islam melalui proses ijtihad. Oleh itu, mufti perlu mempunyai pengetahuan yang luas tentang teks undang-undang, serta al-Quran dan hadis; mengetahui perkara yang diselesaikan melalui ijmak dan masalah berbangkit mengetahui cara untuk menggunakan qiyas; dan fasih berbahasa Arab (Uthman el-Muhammady, 2006).

Seorang mufti perlulah bersifat adil, boleh dipercayai dan warak. Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa ulama ialah pewaris nabi dan begitu juga mufti yang benar-benar berkelayakan juga merupakan pewaris nabi (El-Muhammady, 2006). Mufti bertanggungjawab untuk memantau amalan Muslim supaya amalan itu benar-benar mengikut ajaran al-Quran dan sunah Rasulullah

SAW. Jika terdapat individu yang menyimpang daripada ajaran sebenar agama Islam, mufti bertanggungjawab untuk memimpin individu itu kembali ke jalan yang benar. Walaupun individu yang menyimpang itu ialah seorang yang berkuasa, mufti hendaklah berani menjalankan tanggungjawabnya dengan amanah. Mufti tidak boleh mempunyai perasaan takut kepada manusia, kecuali bertakwa kepada Allah SWT semata-mata. Enakmen undang-undang Islam negeri memerintukkan bahawa mufti hendaklah mengeluarkan fatwa mengikut pendapat mazhab Syafii. Walau bagaimanapun, jika tidak bersesuaian dengan kepentingan umum, mufti boleh mengambil kira pendapat mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali yang juga merupakan mazhab fiqah aliran Ahli Sunah Waljamaah.

2.7 Dato' Haji Ahmad Maher (Mufti Ke-5 Kelantan)

Menurut Abdullah Zakaria (2007) di dalam buku Warisan Kelantan XXIV, beliau telah menyatakan tentang sejarah biografi Dato Haji' Ahmad Maher yang mana merupakan mufti yang paling lama berkhidmat iaitu selama 27 tahun dari tahun 1941 sehingga 1968. Nama penuh ialah Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, merupakan Mufti Kelantan ke-7 (dilantik pada Jun 1941) yang dilahirkan pada 1904 di Mekah. Beliau telah dibawa oleh ibunya Hajah To' yang datang ke Mekah bersama ayahnya untuk mengerjakan haji dan menuntut ilmu. Sebaik pulang daripada Mekah, beliau mula menetap di daerah Kemuning, seterusnya berpindah ke daerah Machang, Bachok dan akhirnya ke Kubang Pasu. Beliau telah menuntut ilmu dengan tokoh ulama terkenal di nusantara iaitu Tok Kenali, Haji Ali Pulau Pisang, Haji. Ahmad Hakim, Tok Khurasan, Haji Yaakob Gajah Mali dan lain-lain. Bekas Mufti Mesir telah menggelarnya dengan gelaran "Maher" kerana kemahiran beliau dalam usul feqah. Dato' Haji Ahmad Maher

juga menjadi tokoh kebanggaan masyarakat di Negeri Cik Siti Wan Kembang kerana beliau merupakan anak Kelantan pertama mendapat Syahadah Alimiyyah (Sijil Tinggi) di Mesir dalam tempoh masa yang singkat. Beliau juga pernah menjadi pengarang Majalah Pengasuh terbitan MAIK pada awal tahun 1918.

Seterusnya, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Nazir Pelajaran di Pejabat Pelajaran MAIK pada 1 Julai 1931. Selama tempoh perkhidmatannya, beberapa pembaharuan telah berjaya dilaksanakan dalam sistem kurikulum pengajian halaqah kitab di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Hal ini telah menjadikan Masjid Muhammadi sebagai sebuah pusat pengajian ilmu Islam yang lebih bersistematik sehingga berjaya melahirkan ramai ilmuan Islam yang mahsyur dan dihormati. Kemudiannya pada 15 Oktober 1935, beliau menjawat jawatan Qadhi Besar Kelantan. Berikutan permohonan bersara oleh Dato' Haji Ibrahim Yusoff daripada jawatan Mufti pada Jun 1941, beliau dilantik memangku jawatan berkenaan sehinggalah apabila beliau disahkan dalam jawatannya pada 1hb Januari 1945. Beliau kekal menjadi Mufti sehingga ke akhir hayatnya pada 16 Mac 1968, sewaktu pada umur 65 tahun. Beliau telah dikebumikan di Kubur Banggol, Kota Bharu, Kelantan.

2.8 Pendekatan Konservasi


A Ghafar Ahmad di dalam satu artikel yang bertajuk Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah (2006; 50), telah membahaskan tentang pendekatan pemuliharaan atau konservasi terhadap bangunan bersejarah. Hal ini meliputi seni bina, fungsi, struktur bangunan dan ketidaksempurnaan bangunan di mana memerlukan pendekatan pemuliharaan yang menyeluruh dan sistematik.

Pendekatan ini penting untuk memastikan keaslian dan kepentingan sesebuah bangunan bersejarah itu terpelihara dan tidak terjejas. Pemuliharaan bangunan mempunyai prinsip yang telah digariskan seperti meminimakan gangguan, menjalankan kajian saintik, pengdokumentasian kerja pemuliharaan, dan mengaplikasi teknik yang betul.

Menurut Burra Charter (1977), konservasi merupakan satu istilah yang bermaksud, segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. Tindakan ini termasuk perawatan dan mengikut keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuaiguna. Presiden Badan Warisan Malaysia iaitu Ahmad Sarji, seorang aktivis konservasi, dalam ucapannya pada Seminar “Taiping Bandar Warisan” (2001), antara lain menekankan agar usaha konservasi bangunan bersejarah dijalankan secara serius dan zon penampakan yang bersesuaian perlu diwujudkan supaya ia mampu memberikan perlindungan yang sewajarnya. Melalui usaha konservasi, ia mampu membantu golongan profesional untuk mempelbagaikan peranan mereka dalam usaha menyelesaikan masalah dalam bidang berkaitan.

Antara badan perundangan negara Malaysia yang bertanggungjawab dan menyokong usaha konservasi ialah seperti Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Selain itu, terdapat beberapa enakmen telah digubal oleh Penguasa Tempatan seperti, Enakmen Kerajaan Tempatan dan Enakmen lain seperti Kanun Tanah Negara, Undang-undang Laut, Perundangan Antarabangsa, dan yang terbaru, Enakmen Melaka 1988. Konservasi bandar warisan seharusnya dijadikan sebahagian daripada agenda perancangan dan pembangunan negara dengan mengambil kira faktor persekitaran alam bina dan sosial kawasan terbabit.

Hal ini turut ditekankan dalam Deklarasi Amsterdam semasa Kongres Seni Bina Warisan Eropah 1975, yang menyatakan bahawa, konservasi seni bina harus dianggap sebagai isu dan objektif utama di dalam perancangan bandar dan wilayah. Konservasi terhadap seni bina ini harus menjadi sebahagian daripada perancangan bandar di mana wujudnya intergrasi konservasi seni bina warisan ke dalam kehidupan sosial. Menurut Ahmad Sarji (2003) dalam kertas kerja bertajuk “*Urban Regeneration through Conservation Initiatives*”, pendekatan di dalam pengurusan konservasi warisan telah berubah di mana kini ia melibatkan cara hidup sosial di bandar, kawasan sejarah serta landskap budaya. Ini bermaksud faktor sosial, elemen seni bina dan sejarah adalah sama penting dan harus dikekalkan kerana peranannya di dalam pembangunan mampan.



Gambar 2.5: Masjid Ihsaniah Iskandariah Sebelum dan Selepas Proses Konservasi.

(Sumber: <https://www.orangperak.com/seni-unik-masjid-ihsaniah-iskandariah.html>)

2.9 Kajian Dilapidasi

Menurut Anthony Tee Mooi Kwong (2017) di dalam artikel bertajuk *Critical Element in Refurbishment of Dilapidated Heritage Building at Georgetown World Heritage Site in Sustaining Tourism Development*, dilapidasi adalah istilah yang digunakan dalam merujuk kerosakan atau kemusnahan, pembaziran, keadaan premis atau bangunan. Ini bermakna, kerosakan atau pembaziran keadaan bangunan yang rosak disebabkan oleh pengabaian yang berterusan dalam penyelenggaraan dan pembaikan dengan sengaja atau sebaliknya. Struktur yang tidak selamat ini mengancam keselamatan orang awam, mengurangkan nilai harta benda di sekelilingnya serta nilai estetika bangunan itu. Menurut A. Ghafar Ahmad (2004), kajian dilapidasi bangunan merupakan satu kerja pemeriksaan kerosakan dan kecacatan sesebuah bangunan sebelum sesuatu kerja pemuliharaan atau penyelenggaraan bangunan dibuat. Kajian dilapidasi ini boleh dilakukan berpandukan kaedah-kaedah dan panduan yang telah ditetapkan supaya kualiti pemeriksaan yang dijalankan terjamin. Tanpa kajian dilapidasi yang baik dan lengkap, adalah sukar sesuatu kerja itu hendak dijalankan.

Dalam pada itu, penyiasat perlulah memahami jenis-jenis dan penyebab sesuatu kerosakan atau kecacatan bangunan. Fakta dan maklumat pemeriksaan mestilah lengkap dan yang paling utama ialah ia mestilah mudah difahami untuk memudahkan semua pihak yang terlibat dalam kerja pemuliharaan nanti. Laporan yang dihasilkan perlulah merangkumi prestasi semasa dan juga perkembangan kerosakan yang berlaku. Ini bertujuan bagi mendapatkan cara pembaikan bangunan yang betul dan ekonomi. Ahmad Ramly (2004) berpendapat bahawa antara tujuan utama sesuatu pemeriksaan dijalankan adalah untuk mengenalpasti keadaan fizikal, fabrik atau kerangka tertentu bangunan yang tersembunyi,

menentukan luas kawasan fizikal yang rosak atau yang cacat, meramalkan baki kekuatan sesuatu elemen atau struktur yang telah lama, menyediakan asas bagi kerja-kerja pembaikan yang betul atau kerja-kerja penyambungan kepada bangunan lama atau sedia ada, menetapkan nilai sebenar sesuatu bangunan setelah diambil kira kecacatan yang ada, menyediakan asas dan maklumat rekabentuk masa hadapan, dan mengetahui jika bangunan telah melalui kerja-kerja rombakan, penyambungan atau perobohan di masa lalu. Hasil kajian dilapidasi ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana spesifikasi kerja pemuliharaan dan pembaikan dapat dijalankan (Yahaya Ahmad & Zuraini Md Ali, 2000).

2.10 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian adalah dokumentasi yang diperlukan dalam melangkaui bab kajian yang seterusnya. Kajian sorotan kajian yang dibuat diharap mampu menjadi penanda aras terhadap menghadkan permasalahan kajian serta menjadi rangka kepada prosedur-prosedur metodologikal yang boleh digunakan untuk pengumpulan maklumat. Hal ini seterusnya, menjadi asas penyelidikan untuk menganalisis dan mempelajari berkaitan tajuk kajian yang ingin dirungkai pada masa kini dengan melihat kajian literatur penyelidikan lain pada masa sebelum ini.

Dengan membuat sorotan kajian ini, pengkaji dapat melihat skop kajian, metodologi kajian yang digunakan serta dapatan kajian lepas dengan lebih jelas. Dari segi permasalahan kajian yang dihadapi, sorotan kajian ini mampu menjadi pengumpul maklumat yang pelbagai berkenaan permasalahan yang ingin dikaji. Hal ini kerana melalui sorotan kajian ini pengkaji dapat mengenalpasti sama ada permasalahan yang ingin dikaji telah dijalankan oleh penyelidik lain atau mengembangkan idea pengkaji berkaitan resolusi permasalahan yang berlaku.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Sesebuah kajian atau penyelidikan yang dijalankan memerlukan metod atau kaedah dalam mendapatkan data atau dapatan kajian. Dengan data yang mencukupi, barulah sesebuah kajian itu dapat dijalankan dengan baik. Untuk mendapatkan data yang baik ini, kaedah penyelidikan kajian tersebut haruslah sempurna dan mengikut prosedurnya yang tersendiri. Ia bagi menjamin dapatan kajian yang dihasilkan nanti benar-benar terjamin mutunya. Seseorang penyelidik yang cermat mesti memastikan metod ataupun kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data, sesuai dengan jenis penyelidikan yang dijalankan.


Menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010), sumber data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian, iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Pendekatan penyelidikan yang bersesuaian iaitu sama ada pendekatan kuantitatif atau pendekatan kualitatif ditentukan oleh persoalan atau objektif penyelidikan. Menurutnya lagi, dalam membincangkan reka bentuk

kajian, penyelidik juga harus membincangkan beberapa pemboleh ubah penyelidikan yang terlibat dan bagaimana dapatan pemboleh ubah akan diukur, disamping membincangkan populasi dan teknik persampelan yang terlibat dalam mengenal pasti responden penyelidikan. Perancangan penyelidikan juga perlu melibatkan pendekatan penganalisan data yang akan digunakan. Sekiranya pendekatan penyelidikan menjurus kepada pendekatan kuantitatif, maka penyelidik perlu membincangkan teknik statistik yang paling sesuai digunakan. Manakala sekiranya pendekatan kualitatif menjadi fokus, maka kaedah analisis tema perlu dibincangkan.

Kajian yang dibina oleh penyelidik ini merupakan kajian yang bersifat deskriptif, atau merupakan kajian yang dibuat berdasarkan gambaran yang telah sedia ada. Ia juga dikategorikan sebagai kajian yang berbentuk kualitatif. Denzin dan Lincoln (1994) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Cresswell (1994) pula mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Kaedah kualitatif ini juga bergantung kepada perolehan data daripada teks dan imej. Terdapat proses yang berbeza berbanding kuantitatif dalam menganalisis data dan melukiskan reka bentuk yang pelbagai. Reka bentuk ini memberi tumpuan kepada pengumpulan data, menganalisis, dan penulisan untuk seluruh proses penyelidikan.


3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah lebih menjurus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Ia juga merupakan metod untuk mendapatkan objektif-objektif kajian yang cuba dicapai oleh penyelidik. Justeru, bagi mencapai objektif ini, penyelidik sedaya upaya cuba untuk membuat dan mengadakan kaedah serta cara untuk merealisasikan tujuan tersebut. Kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji melibatkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah maklumat yang didapatkan dari sumber yang sah dan tiada tokok tambah. Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer ialah penemuan baru penyelidikan asli, boleh diterbitkan atau tidak boleh diterbitkan dan merupakan maklumat asal. Manakala data sekunder pula merupakan sumber kedua terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan yang bertulis yang ditulis dan ditafsir oleh sejarawan (Zahari Rusdi, 2009). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah kajian bagi memenuhi objektif seperti yang telah dinyatakan pada Rajah 3.1 di halaman seterusnya.



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian.

Carta aliran kaedah kajian (Rajah 3.2) adalah yang terpenting dalam melancarkan kerja pengkaji. Cerita ini berfungsi sebagai sumber panduan dan rujukan keseluruhan kerja kepada pengkaji. Melalui carta ini juga, pengkaji dapat gambaran awal kajian sebelum memulakan kerja mengikut susun atur carta tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji digalakkan menggunakan keseluruhan kaedah yang disenaraikan supaya sumber maklumat yang diperolehi mencukupi dan tepat. Dalam carta metodologi ini, terdapat tiga perkara yang harus diikuti sebelum memulakan sesuatu kajian iaitu sebelum kajian dijalankan, semasa kajian dijalankan dan selepas kajian dijalankan.



Rajah 3.2: Carta Aliran Bagi Kaedah Penyelidikan.

3.2.1 Kajian Terdahulu

Kunjungan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan di Kampus Bachok dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan telah dijalankan. Tujuan kunjungan adalah bagi mendapatkan pengenalan lebih awal tentang kajian yang dilakukan dan memperolehi sebanyak yang mungkin dapatan dan maklumat relevan. Bahan rujukan adalah terdiri

daripada buku rujukan, jurnal, dan artikel, tesis, teks kajian lepas serta bahan penulisan yang berkaitan. Data jenis sekunder ini juga digunakan bagi memperoleh maklumat tambahan berkenaan pengaruh seni bina ke atas sesuatu bangunan. Ia juga penting untuk menambah maklumat sebelum kaedah pemerhatian dilaksanakan. Seterusnya maklumat yang diperolehi ini akan digunakan dalam penulisan kajian.

1.2.1 Kajian Lapangan

Lawatan secara langsung atau dikenali sebagai pemerhatian ikut serta ke tapak lapangan adalah kaedah yang amat penting. Pemerhatian adalah salah satu proses kegiatan pemetaan yang berperanan dalam memahami ilmu sains kebumian ataupun lingkungan (Cottingham, 2002). Pengkaji akan menumpukan kepada huraian terperinci tentang situasi, interaksi dan kerja lapangan yang dijalankan. Pengkaji akan memilih jenis pemerhatian berstruktur di mana ia lebih sistematik dan berfokuskan kepada objektif dalam kajian. Pengkaji akan mengunjungi rumah Dato' Ahmad Maher bagi menganalisis pengaruh binaan ke atas rumah tersebut. Melalui kaedah sedemikian, pengkaji seterusnya akan merekodkan data-data melalui gambar, rakaman dan catatan untuk dimasukkan ke dalam laporan projek penyelidikan. Hasil kajian yang dijalankan, analisis data yang diguna dalam kajian adalah analisis *thematic*.

1.2.2 Temu Bual

Dalam kaedah temubual, merupakan kaedah lisan yang paling utama dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan sesuatu maklumat

berkaitan dengan objektif kajian daripada responden. Jenis temubual yang dilakukan adalah temubual stimulasi dan semi-struktur terhadap sekurang-kurangnya lima orang responden termasuk pewaris rumah, penduduk asal setempat di Kampung Wakaf Bharu, pensyarah dalam bidang senibina dan konservasi, penduduk sekitar dan pengkaji lepas. Kaedah temu bual secara simulasi adalah pertanyaan secara spontan, tidak terlalu serius dan bersifat terbuka berkaitan kajian yang ingin dilaksanakan. Manakala temubual secara semi-struktur pula merupakan soalan yang selaras dengan objektif kajian, secara rawak malah tidak terlalu formal. Kaedah temubual ini bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah rumah tersebut oleh responden.

Dalam kaedah temubual juga, pengkaji akan meminta keizinan daripada pewaris rumah sebelum melakukan tinjauan atau pemerhatian. Seterusnya, temubual juga dijalankan terhadap orang-orang sekeliling yang berdekatan di tempat kajian melalui aspek pengalaman, pengetahuan dan persepsi mereka terhadap rumah tinggalan tersebut. Temubual jenis ini juga dijalankan terhadap individu yang sebelum ini pernah membuat kajian terhadap rumah Dato' Haji Ahmad Maher dan juga individu atau pensyarah di Unversiti Malaysia Kelantan yang lebih arif akan bidang seni bina dan konservasi untuk dijadikan rujukan.

1.2.3 Catatan

Setiap maklumat yang diperolehi secara lisan dan langsung hasil daripada temu bual dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji akan dicatatkan keseluruhannya di dalam buku nota atau diari yang berkulit keras. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melakukan pendokumentasian

dan menganalisis data dengan mudah dan tersusun tanpa perlu mencari maklumat di berlainan tempat. Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk menyimpan maklumat yang diperolehi secara langsung. Catatan penulisan pengkaji juga dibantu dengan sedikit lukisan rajah supaya pengkaji dapat menggambarkan dengan tepat bahagian rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang mempunyai pengaruh senibina berserta corak yang dikenalpasti.

1.2.4 Rakaman Foto

Pengkaji telah mengambil foto-foto yang berkaitan semasa kajian dijalankan di kajian lapangan. Dengan adanya foto ini, ia dapat menguatkan lagi bukti kajian untuk diletakkan di dalam laporan agar ia menjadi gambar yang bermaklumat untuk mendapat penjelasan lebih terperinci kepada pembaca. Kaedah ini juga bertujuan untuk merekodkan kesemua data-data sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya terdapat masalah seperti kehilangan maklumat yang bertulis. Dalam melakukan rakaman foto ini, pengkaji telah menggunakan dua peranti iaitu Ipad dan telefon pintar milik pengkaji sendiri.

1.2.5 Penelitian Dokumen dan Laporan Penulisan

Selepas kesemua sumber maklumat dan data yang diperolehi lengkap menggunakan kaedah metodologi yang dipilih, pengkaji perlu menjalankan kaedah penelitian dokumen yang biasanya terdapat di arkib. Penelitian dokumen merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif (Creswell, 2009). Hal ini merupakan satu bentuk analisis terhadap segala bahan bertulis, visual, dan fizikal yang sedia ada dan

relevan dengan kajian (Merriam, 1998). Menurut Creswell (2005), penelitian dokumen ini dapat mengumpul data kualitatif dalam membekalkan informasi untuk menjawab soalan kajian. Kedah ini bertujuan untuk melihat segala perjalanan mengenai kajian yang dilakukan berjaya atau tidak menjawab dan merungkai permasalahan yang dikemukakan samada mencapai objektif yang dikehendaki.

Bahagian kaedah ini sangat penting dilakukan selepas kajian yang dilakukan selesai. Penelitian dokumen yang dibuat menjadi prosedur yang khusus bertujuan menyediakan pandangan yang baharu, meningkatkan pemahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal (Krippendort, 2004). Kemudian, laporan penulisan harus dilakukan dan merangkumkan segala data dokumen yang diperolehi. Tujuannya adalah untuk meneliti segala hubung kait keseluruhan data yang diperolehi bertepatan dengan objektif yang diusulkan sebelum ini. Tambahan pula, dalam pecahan yang dibahagikan akan dibahaskan dalam dapatan kajian secara ilmiah dan terperinci melalui bukti yang diperolehi.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah merupakan satu alat yang digunakan oleh seseorang pengkaji ketika menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian juga mengenai soalan atau kenyataan yang dibentuk khas untuk maklumat kajian (Norhayati, 2011). Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Instrumen. Tujuan penggunaan instrumen semasa menjalankan kajian ini adalah

untuk memudahkan urusan pengkaji bagi mendapatkan data bagi memastikan objektif kajian yang sepatutnya tercapai dan berjalan dengan baik.

Kaedah utama yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual dan juga kaedah pemerhatian. Melalui kaedah temubual, beberapa pihak atau masyarakat yang mahir dalam kajian yang dijalankan adalah penting dalam agar maklumat tidak disalah tafsir dan disalah anggap. Penduduk setempat di kawasan rumah Dato' Haji Ahmad Maher dan pewaris rumah tersebut yang juga anak kepada beliau antara sumber responden yang membantu berkongsi maklumat yang diinginkan untuk memenuhi objektif kajian. Instrumen yang akan digunakan semasa kajian ini dijalankan adalah seperti senarai soalan yang ingin diajukan (secara terbuka), buku catatan dan telefon pintar untuk merakam video dan suara untuk mendapatkan maklumat yang diberitahu secara lengkap.

Seterusnya, kaedah pemerhatian dilakukan dengan berkunjung ke tempat kajian dengan secara langsung memerhati rekabentuk senibina rumah tersebut. Pemerhatian terhadap sampel kajian ini lebih terperinci, jelas dan lebih tepat malahan menjadi maklumat yang boleh dijadikan bahan rujukan (Norhayati, 2011). Bagi langkah-langkah untuk meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan kaedah pemerhatian ini, pengkaji menggunakan instrument alat teknologi moden seperti telefon pintar untuk merakam foto dan video. Pemerhatian yang dijalankan haruslah secara sistematik dan konsisten supaya masa yang diluangkan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Kemudian, hasil yang diperolehi dicatat melalui instrument berbentuk buku catatan.

3.4 **Prosedur Pungutan Data**

Sebelum kajian lapangan mula dilakukan untuk mengumpul data, pengkaji telah mendapat surat kebenaran daripada fakulti untuk menjalankan kajian. Seterusnya, pengkaji mendapat rujukan buku dan kajian lepas daripada perpustakaan dan pensyarah daripada elektif Konservasi Warisan. Responden yang terlibat diberitahu secara lisan untuk mendapat persetujuan atau keizinan daripada mereka sebelum apa-apa temubual dan rakaman foto dijalankan. Responden juga diberi kebebasan untuk memilih tarikh atau tempat untuk ditemubual dengan syarat tidak ada sebarang gangguan semasa ditemubual atau pertindihan masa dengan aktiviti responden yang lain. Pengkaji menyakinkan responden kajian bahawa kajian ini bukan untuk hanya meneliti identiti senibina pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher, bahkan dapat memartabatkan serta menyedarkan masyarakat tempatan secara amnya tentang pentingnya pemeliharaan rumah yang mempunyai nilai warisan yang begitu berharga ini seterusnya menanam rasa cinta dalam menghargai sesuatu warisan demi untuk memperlihatkannya kepada generasi akan datang.

3.5 **Kaedah Analisis Data**

Menurut Corbin dan Strauss (2008) analisis data bukan setakat mengekod dan membentuk tema-tema untuk data yang dipungut, *“It involves interacting with data (analysis) using techniques such as asking questions about the data, and so on, making comparisons between data, and in doing so, deriving concepts to stand for those data, then developing those concepts in terms of their properties and dimensions”*. Beliau menerangkan analisis data melibatkan penggunaan teknik seperti bertanya soalan, membuat perbandingan terhadap data yang

dikumpul dan kaedah lain untuk membentuk konsep berdasarkan data yang dikumpul. Merriam (1998) mengatakan pengumpulan data dan penganalisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif. Analisis bermula pada temu bual pertama, pemerhatian pertama dan pembacaan dokumen pertama. Dengan kata lain, analisis data dijalankan semasa data pertama diperolehi. Proses analisis data dijalankan berterusan sepanjang masa kajian ini dilaksanakan. Merriam (1998) menerangkan seterusnya bahawa mengurus dan menapis data sebaik sahaja selepas pengumpulan data juga amat penting. Ini akan membantu pengkaji menyediakan soalan untuk ditanya atau pemerhatian seterusnya. Kaedah analisis data dalam bagi penyelidikan pengkaji adalah sepertimana di dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Bagaimanakah sejarah rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Bandar Kota Bharu, Kelantan?	Temubual.
2. Apakah ciri-ciri pengaruh seni bina yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher?	Pemerhatian dan Temubual.
3. Bagaimanakah cadangan kaedah pemeliharaan yang sesuai pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher?	Temubual dan Penelitian Dokumen.

3.6 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil kajian dijangkakan akan dapat membantu dalam mengenalpasti sejarah rumah Dato' Haji Ahmad Maher secara menyeluruh melalui kesahihan

maklumat pewaris. Hal ini dapat menangkis persepsi masyarakat setempat yang tidak mengetahui bahawa rumah tersebut mempunyai pewaris di mana penerokaan terhadap pemuliharaanya belum dibuat secara mendalam. Melaluinya juga, dijangkakan bahawa identiti seni bina pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher tersebut dapat dirungkaikan melalui kajian selaras dengan metodologi yang diambil. Hal ini kerana, bukti ini terdapat dalam sorotan kajian lepas iaitu projek penilaian akhir pelajar Konservasi Warisan di Universiti Malaysia Kelantan mengenai Dokumentasi Kajian Rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Justeru itu, kajian secara mendalam terhadap identiti senibina rumah berkenaan perlu dalam memelihara nilai estetika tersebut dari terbiar.

Jangkaan hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana spesifikasi pemeliharaan dapat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu. Pemeliharaan dilakukan agar rumah ini dapat ditransformasi ke bentuk yang lebih baik seperti adanya kerja konservasi. Kejayaan dalam mencadangkan kaedah pemeliharaan yang relevan dilihat telah berjaya mengubah secara fizikal bangunan-bangunan lama. Buktinya cadangan konservasi dalam satu kajian penyelidikan terhadap Rumah Haji Dobi yang terletak di Jalan Pos Lama, Kota Bharu telah menemui penyelesaian yang baik apabila rumah yang sudah lama dibiarkan itu telah melalui proses konservasi dengan kerjasama pihak Jabatan Warisan Kebangsaan (JWN). Kini, rumah tersebut terlihat tersergam indah dengan mempamerkan ciri-ciri senibina Tradisional Melayu Kelantan yang sebenar. Justeru, tidak mustahil sekiranya rumah Dato' Haji Ahmad Maher mengalami transformasi yang sama di mana memaparkan aneka gabungan pengaruh senibina.

3.7 Penutup

Kesimpulannya, kaedah-kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji telah membantu pengkaji dalam melengkapkan kajian ini. Oleh sebab itu, pengkaji telah mampu mendapatkan pelbagai sumber maklumat yang berilmiah dan berguna untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan. Tanpa adanya sumber maklumat hasil daripada metodologi yang dijalankan, sememangnya laporan yang dijalankan tidak akan sempurna, malah ia menjadi sesuatu yang tiada kesahihan dan boleh mengagalkan kajian yang dilakukan. Dalam pada itu peralatan yang digunakan semasa kajian ini telah disediakan dengan lengkap supaya ia tidak mengganggu perjalanan kajian ini sehingga proses pendokumentasian yang terakhir dilakukan

Metodologi kajian yang diguna pakai seharusnya memiliki teknik yang bersistematik bagi menghasilkan dapatan kajian yang mempunyai kesahan serta bermakna kepada projek penyelidikan yang dilaksanakan. Maka kerana itu dapat disimpulkan bahawa penggunaan metodologi kajian yang bersesuaian amat penting dalam pelaksanaan sesebuah kajian. Hal ini sekaligus membolehkan pengkaji membuat rumusan serta perbincangan yang akan diperjelaskan dengan lebih mendalam dalam bab berikutnya. Diharapkan maklumat yang diperolehi melalui kaedah metodologi yang dipilih ini mampu dijadikan rujukan tambahan para pengkaji lain.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini merupakan bahagian yang merungkai dan menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta tajuk yang dipilih. Bab dapatan kajian ini penting dalam setiap projek penyelidikan kerana akan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang dinyatakan pengkaji iaitu pertama pengkaji dapat mengetahui sejarah rumah Dato' Haji Ahmad Maher di kawasan Kota Bharu, Kelantan. Dalam hal ini, temubual melalui pewaris kepada Dato' Haji Ahmad Maher ke atas keberadaan dan status rumah yang dikaji dapat diketahui secara lebih terperinci. Kedua ialah mengkaji ciri-ciri pengaruh seni bina yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Pelbagai asimilasi senibina telah mendorong pengkaji untuk merungkaikannya secara terperinci dengan melihat fasad-fasad bangunan yang masih kukuh dan jelas dilihat. Akhir sekali, objektif ketiga bagi pengkaji pula adalah mencadangkan kaedah pemeliharaan yang sesuai pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Cadangan-cadangan ini akan mengutarakan bagaimana cara

terbaik dan berkesan untuk memelihara rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang terlihat terbiar di celah pembangunan pesat bandar Kota Bharu.

Pengkaji telah melakukan kajian di Kampung Wakaf Siku yang berada di Kota Bharu iaitu dengan menemubual beberapa responden di sekitar lokasi kampung berkenaan dan juga individu yang mempunyai pakar dalam aspek senibina bangunan dan pemeliharaan serta pihak yang penting dalam menjelaskan latar belakang rumah Dato' Haji Ahmad Maher iaitu pewaris. Temubual ini sememangnya sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan secara lancar dan efisien. Hasil daripada temubual dan perbincangan dengan beberapa pihak yang terlibat dalam projek penyelidikan ini, jelas didapati bahawa rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini mempunyai sejarah kewujudan yang unik dan khazanah warisan senibinanya yang masih terlihat pada beberapa bahagian strukturnya yang masih utuh dapat menjadikannya sebagai aset warisan yang layak untuk dimartabat di mana membolehkannya menjadi produk perlancongan yang ada di Kelantan umumnya dan di Malaysia khususnya.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam sesuatu penelitian kajian. Mereka berperanan dalam memberikan maklumat atau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 pada halaman seterusnya akan menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dengan responden.

Jadual 4.1: Senarai Nama Responden Yang Ditemubual Pengkaji.

Bil.	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Ahmad Anis Bin Mohd Shukri (Pewaris Dato' Haji Ahmad Maher)	60	26 Oktober 2020	A
2.	Ummi Fatehah Binti Mohd Suhaimy (Pengkaji Lepas)	24	23 Mei 2020	B
3.	Nor Susilawati Binti Mat Zin (Penduduk sekitar Rumah Dato' Haji Ahmad Maher)	48	26 Jun 2020	C
4.	Ahmad Fadli Bin Jusoh (Penduduk sekitar Rumah Dato' Haji Ahmad Maher)	62	26 Jun 2020	D
5.	Sahrudin Bin Mohamed Som (Pakar Konservasi dan Seni Bina Bangunan)	49	29 November 2020	E

4.3 Sejarah Rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Bandar Kota Bharu, Kelantan.

Negeri Kelantan merupakan salah satu negeri yang mempunyai sejarah yang panjang sejak zaman purba. Dengan latar belakang sejarah sedemikian, ini telah menjadikan pelbagai seni bina pada rumah di Kelantan mempunyai bentuk rumah yang unik dan ciri khas tersendiri. Hal ini kerana negeri Kelantan menjadi salah satu kota singgahan disemenanjung Melayu antara jalur perdagangan China, India dan Arab di samping sebagai tanah penjajahan Jepun dan Inggeris. Oleh itu,

timbulnya reka bentuk rumah yang mempunyai campuran pengaruh asing dan tempatan seperti mana rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Bagi pengkaji, rumah bekas Mufti ke-7 Kelantan ini mempunyai keunikan tersendiri malah melambangkan kehalusan seni bina setiap kepelbagaian pengaruh khususnya pada elemen Tradisional Melayu, Cina dan Inggeris. Walaupun zaman meniti arus kemodenan, setiap jejak sejarah dan budaya tempatan seharusnya tidak membiarkannya ditelan dek zaman. Oleh itu, setiap warisan dalam seni binaan ini perlu dikekalkan agar sejarah dan asal usul rumah Dato' Haji Ahmad Maher tetap akan terpelihara dan menjadi tatapan bagi generasi yang akan datang.

4.3.1 Latar Belakang Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Mufti Kelantan Ke-5.




Rajah 4.1: Wajah Allahyarham Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: <http://balaiadat.e-maik.my/index.php/khazanah-balai.html>)

Menurut Azman Ab Rahman, Zahari Mahad Musa, Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Adel M. Abdul Aziz (2008), Mufti merujuk kepada individu yang berperanan dalam menguruskan isu-isu yang berkaitan agama sama ada dari segi ibadat, muamalat, jenayah dan sebagainya. Peranan utamanya adalah sebagai pihak berkuasa kepada perkara berkaitan penentuan hukum Syarak dan sebagai penasihat dalam agama Islam. Mufti dilantik oleh raja dan berdasarkan seksyen 47 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388), jawatan yang dipegang boleh dilucutkan oleh raja (Abd. Aziz Bari, 2005). Mufti juga merupakan seorang ulama yang diberikan mandate mengeluarkan fatwa bagi menjawab persoalan berkaitan dengan isu berbangkit berkaitan keabsahan sesuatu pemikiran atau amalan dan isu yang tidak disentuh dan tiada nas dalam al-Quran atau hadis (Othman, 1981).

Sejarah dan latar belakang Dato Haji' Ahmad Maher pernah dicatat di dalam beberapa buah buku antaranya adalah Biografi Mufti-Mufti Malaysia, Biografi Singkat 40 Ulama' Terpilih Negeri Kelantan, Warisan Kelantan 24 (XXIV), dan buku Dato' Haji Ahmad Maher Bin Haji Ismail Al-Azhari: Satu Kajian Tentang Pemikirannya terbitan Universiti Malaysia. Nama penuh beliau ialah Haji Ahmad Maher Bin Haji Ismail Al Azhari Bin Haji Abdul Hamid. Beliau yang berketurunan Melayu jati merupakan anak kepada Haji Ismail Al-Azhari atau Tok Kemuning atau Tok Kemuning Muda. Menurut Hajah Sharifah Alawiyah (2007), Dato' Haji Ahmad Maher dilahirkan pada tahun 1324 Hijriah (1905 Masihi) di Maa'la, Mekah. Sejak di Mekah Tok Kemuning telah mengasuh Dato' Haji Ahmad Maher menghafaz al-Quran, mempelajari bahasa Arab dan kitab-kitab agama. Pada umur sebelas tahun beliau dibawa kembali ke Kelantan dan tinggal Kemuning sebelum datang kembali ke Mekah bersama ibu dan ayahnya untuk mengerjakan haji dan menuntut ilmu. Sebaik pulang daripada

Mekah, Tok Kemuning berkahwin di Bachok kemudian berkahwin dengan Che Bidah di Kubang Pasu, Kota Bharu. Di Kota Bharu, Dato Haji' Ahmad Maher kekal menetap di sana kerana memberi suatu kemudahan kepada beliau untuk belajar di Masjid Muhammadi



Rajah 4.2: Salasilah Keluarga Dato' Haji Ahmad Maher.

Dari segi pendidikan, beliau mempunyai ramai tokoh ulama nusantara yang disegani mengajarnya ilmu agama selain daripada ayahnya Tok Kemuning. Menurut Haji Yaakub (2013), Setiausaha Jemaah Fatwa MAIK, antara tokoh ulama nusantara yang membentuk kejayaan beliau dalam bidang keagamaan termasuk Tok Kenali di dalam ilmu tatabahasa Arab (nahu atau soraf). Diikuti dengan Haji Muhammad Hassan (Tok Khurasan) dan Haji Yaakob Bin Ahmad (Lorong Gajah Mati) dalam ilmu Misykat al-Masabih dan al-Tirmidzi, bidang hadis dan al-Qurtubi serta bidang mantiq dan Ihya' Ulum al-Din selama 5 tahun. Lainnya ialah Tuan Guru Haji Salleh Ad-Din Bin Awang, Haji Ali Pulau Pisang, Tuan Guru Haji dan Ahmad Hashim Bin Haji Abdul Manan. Selepas menjadi ulama yang disegani, ramai pelajar di serata negeri telah menjadikan beliau guru agama sehingga berjaya menjadi ulama. Di antara muridnya ialah Haji Yahya Junid, Padang Lumut (Kedah), Tuan Omar Haji Abdul Aziz (Pondok Terusan, Kelantan), Haji Mokhtar Ismail (Pekalang Asar, Perlis), Haji Husin Hafiz (Umbai, Melaka), Lebai Isa Kaplo (Kedah), Haji Ahmad Osman Kodiang (Kedah),. Haji Abdul Jalil (Sungai Udang, Melaka) Ustaz Mohd Nor Salleh (Perak), Haji Awang Beta (Kelantan), dan Haji Ismail Cenderung Batu (Kelantan).

Menurut Haji Daud al-Ahmadi (2007), bekas Mufti Mesir iaitu Syeikh Muhammad Bakhit telah menggelarnya dengan gelaran “Maher” kerana kemahiran beliau dalam usul feqah. Dato' Haji Ahmad Maher juga menjadi tokoh kebanggaan masyarakat di Negeri Cik Siti Wan Kembang kerana beliau merupakan anak Melayu pertama mendapat Syahadah Alimiyyah (Sijil Tinggi) di Mesir dalam tempoh masa yang singkat. Hal ini disebabkan Dato' Haji Ahmad Maher mempunyai ingatan yang luar biasa sehingga dapat mengatasi kawan-kawannya yang lain. Maka, dengan keperibadian yang ada pada diri Dato' Haji

Ahmad Maher dalam bidang keagamaan, jelas banyak memberi sumbangan terhadap kemajuan pelajaran agama Islam di Kelantan dan menyusun pentadbiran secara lebih moden. Antara tugas dan jawatan pernah disandang oleh Dato' Haji Ahmad Maher sepanjang hayatnya adalah:

Jadual 4.2: Tugas Dan Jawatan Pernah Disandang Dato' Haji Ahmad Maher.

Tugas / Jawatan	Tarikh	Catatan
Guru di Masjid al-Haram, Mekah	Tidak dinyatakan	<ul style="list-style-type: none"> • Kembali ke Kelantan pada tahun 1931 dan tinggal di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu bersama keluarganya.
Nazir Pelajaran di Pejabat Pelajaran MAIK	1 Julai 1931 hingga 1 Februari 1936.	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan taraf institusi pendidikan agama Islam dalam memuaskan. • Menjadi penasihat dan pembimbing kepada pengurusan pendidikan atau pengajian pondok di Kelantan.
Ketua Pelajaran Majlis	Januari 1934	<ul style="list-style-type: none"> • Menggantikan al-Fadhil Tuan Guru Kenali tetapi tidak lama jawatan itu dipegang.
Qadhi Besar Kelantan Ke-2	15 Oktober 1935	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi Qadhi Besar selama 3 tahun • Berperanan mengurus atau mengadili hal-hal berhubung dengan agama.
Ahli Penggubal Undang-Undang Madrasah Muhammadiyah.	Tidak dinyatakan	<ul style="list-style-type: none"> • Dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan.
Mufti Khas DYMM Sultan Ismail Petra	1938	<ul style="list-style-type: none"> • Menasihati sultan dalam hal ehwal keagamaan dan sistem pentadbiran. • Mengarang Kitab Suluhan Ilmu

Guru Khas YTM Tengku Kembang Petri	1938	<ul style="list-style-type: none"> • YTM Tengku Kembang Petri merupakan anak kepada al-Sultan Muhammad ke-IV
Pemangku Mufti Kelantan	1941	<ul style="list-style-type: none"> • Memegang jawatan pemangku dalam tempoh 4 tahun sebelum permohonan bersara Dato' Haji Ibrahim Yusoff, Mufti ke-6.
Mufti Kelantan ke-7	1 Januari 1945	<ul style="list-style-type: none"> • Memegang jawatan mufti negeri secara rasmi sehingga akhir hayatnya.
Ahli Majlis Penasihat Raja (MPR)	1945	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli MPR merupakan jawatan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri di peringkat negeri. • Memegang jawatan hingga akhir hayat.
Ahli Majlis Perajaan Negeri (MPN)	1945	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi ahli MPN setelah menerima Pingat Darjah SJMK. • Memegang jawatan hingga akhir hayat.

Dato' Haji Ahmad Maher merupakan seorang yang berminat di dalam karang-mengarang dan bergiat cergas dalam bidang penulisan berbahasa Arab dan Melayu. Beliau menjadi pengarang Majalah Pengasuh terbitan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada awal tahun 1918. Di samping itu, beliau juga mengarang kitab Suluhan Ilmu dalam cetakan edisi tahun 1934 terbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK). Buku yang setebal 60 muka itu mengandungi 80 bahagian, yang membicarakan rukun-rukun Islam, rukun-rukun Iman dan perkara fardhu ain. Seterusnya adalah kitab Pedoman Kebangsaan dan

Perlembagaan Negara 1949 yang melibatkan setebal 268 muka surat terjemahan Risalah Al-Fawaid. Selama tempoh perkhidmatannya di dalam bidang penulisan juga, pembaharuan telah berjaya dilaksanakan dalam sistem kurikulum pengajian halaqah kitab di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Hal ini telah menjadikan Masjid Muhammadi sebagai sebuah pusat pengajian ilmu Islam yang sistematik sehingga berjaya melahirkan ramai ilmuan Islam yang mahsyur dan dihormati.

Dato' Haji Ahmad Maher sebagaimana yang telah dijelaskan adalah tokoh penting yang memberikan sumbangan yang besar kepada agama dan negara khususnya di negeri Kelantan. Maka dengan itu beliau telah dianugerahkan beberapa bintang kebesaran negeri serta digelar "Dato' Kaya Purba" oleh Al-Marhum DYMM Sultan Yahya Petra. Paling akhir diterimanya ialah Pingat Darjah Seri Paduka Mahkota Kelantan (SPMK) dan Pingat Darjah Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (DMK) pada tahun 1966, iaitu darjah kebesaran yang paling tinggi yang pernah dikurniakan kepada orang-orang besar negeri yang bukan di kalangan kerabat Diraja. Beliau kekal menabur jasa sebagai Mufti yang paling lama berkhidmat di Malaysia (27 tahun) dari bulan Jun 1941 sehingga ke akhir hayatnya pada 16 Mac 1968, sewaktu berumur 65 tahun. Beliau telah dikebumikan di Kubur Banggol, Kota Bharu, Kelantan di mana merupakan tempat yang sama penyebar pertama ilmu Tariqat Ahmadiyah Idrissiah di Nusantara iaitu Tuan Tabal atau Hj. Abdus Samad Bin Muhammad Saleh dikebumikan. Justeru, terdapat satu institusi pendidikan di Kota Bharu yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Bayam dari tahun 1985 sehingga 1991 telah ditukar kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Maher pada tahun 1992. Sekolah ini mengambil inisiatif mengenang kembali sumbangan Dato' Haji Ahmad Maher yang masyhur dalam bidang agama ketika dahulu

4.3.2 Sejarah Pembinaan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.



Rajah 4.3: Pandangan Hadapan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini terletak di Kampung Wakaf Siku dalam daerah Kota Bharu, Kelantan. Rumah tersebut merupakan rumah bekas Mufti Kelantan Ke-7 yang telah dibina pada tahun 1940, setahun sebelum Tanah Melayu melalui zaman penjajahan Jepun atau Perang Dunia Kedua yang bermula pada tahun 1941. Rumah tinggalan ini mempunyai keluasan sebanyak 701640.41 kaki persegi dan dibina di atas tanah persendirian. Lokasi kedudukan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher juga terletak di kawasan bandar yang strategik dan menjadi tumpuan oleh masyarakat kerana ia dikelilingi oleh kawasan yang padat seperti zon perumahan, zon perindustrian, dan zon perniagaan. Rumah bekas Mufti Kelantan ini sebenarnya agak sukar untuk dikenalpasti pada awalnya kerana tiada petunjuk arah yang tepat sehinggakan lokasinya tidak ditetapkan di dalam


aplikasi *goggle maps* mahupun *waze*. Oleh itu, pengkaji telah mengambil inisiatif menjadikan Restoran Nasi Lemak Bersinar sebagai petunjuk destinasi rumah berkenaan oleh kerana lokasinya hanya bersebelahan sahaja (rujuk rajah 4.5).

Rumah tinggalan Dato' Haji Ahmad Maher ini dikatakan pernah dijaga dan dikelolai oleh pewaris pada sebelumnya akan tetapi pada hari ini tiada pemantauan secara kerap dapat dilakukan disebabkan oleh kekangan kesibukan kerja dan terdapat pewaris yang sudah tinggal berjauhan dari lokasi rumah berkenaan. Lantaran tiada penjagaan terhadap rumah tersebut, menyebabkan keadaan rumah yang ditutupi bangunan sekeliling terdedah dengan keadaan fizikal yang kelihatan usang sehinggakan masyarakat tempatan tidak menyedari akan kewujudan dan kepentingan rumah tersebut di mana pemiliknya suatu ketika dahulu merupakan individu yang berpengaruh kepada masyarakat Kelantan. Tapak rumah Dato' Haji Ahmad Maher terselindung daripada pandangan masyarakat pada masa ini dapat dilihat pada Rajah 4.4 dan Rajah 4.5.



Rajah 4.4: Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Terselindung Dari Pandangan,

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.5: Lokasi Rumah Tiada Pada Aplikasi *Goggle Maps*.

(Sumber: Aplikasi *Goggle Maps*)

Melalui satu temubual bersama En. Anis (pewaris), berkenaan pembinaan awal rumah Dato' Haji Ahmad Maher, pihak yang terlibat adalah terdiri daripada kalangan pertukang tempatan dan luar negeri. Dengan lebih terperinci lagi, pembinaan struktur rumah melibatkan kepakaran dari individu yang datang daripada tempat yang berbeza. Misalnya, pada pembinaan atau pemasangan struktur bumbung iaitu atap singgora rumah berkenaan melibatkan petukang yang mahir daripada Pattani. Atap singgora berkenaan dikatakan ditempah khas daripada Songkhla (selatan Thailand) kerana pada masa itu sememangnya sukar sekali untuk menemui perusahaan atap singgora khususnya di Kelantan sebelum muncul satu-satunya perusahaan tersebut pada tahun 1960 di Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan yang masih dihasilkan sehingga kini. Di samping itu, pembinaan rumah ini juga melibatkan kepakaran daripada petukang daripada

Besut, Terengganu yang melibatkan perancangan pembinaan sebahagian struktur yang tidak dapat dikenalpasti oleh En. Anis. Rumah tersebut berjaya dibina dalam tempoh beberapa tahun sehingga tahun 1940 di mana menjadi tempat kediaman pertama bagi jawatan seorang mufti di Kelantan.

Rumah yang tersergam indah pada ketika dahulu sememangnya jarang didiami oleh Dato' Haji Ahmad Maher oleh kerana sering kali mempunyai urusan kerja di luar negeri. Setelah kematian Dato' Haji Ahmad Maher pada tahun 1968, rumah berkenaan hanya sementara didiami oleh anak beliau sebelum berpindah di kawasan kediaman yang baharu. Oleh kerana itu, rumah berkenaan hanya dibiarkan tanpa berpenghuni walaupun tanah di kawasan rumah tersebut di bawah pusaka adik-beradik daripada arwah isteri Dato' Haji Ahmad Maher yang pertama. Menurut En. Anis juga, sebelum ini tapak rumah tersebut adalah dalam perancangan untuk dijadikan tempat penginapan dengan mengekalkan struktur asal tetapi malangnya tertangguh akibat faktor-faktor tertentu. Tidak lama kemudian, rancangan untuk membangunkan kembali perancangan tersebut terpaksa dilupakan kerana tidak mendapat kelulusan oleh pihak kerajaan negeri. Hasil penelitian mengenai sejarah perkembangan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini juga, pengkaji mendapati rumah tinggalan ini pernah melalui penambahan struktur binaan yang amat ketara perbezaan dengan binaan asal pada bahagian belakang rumah di mana dijadikan sebagai Pusat Asuhan Tadika (PASTI) sebelum diberhentikan operasi. Justeru, sehingga kini rumah berkenaan hanya disifatkan peninggalan warisan ketara yang terpinggir oleh masyarakat tempatan dan oleh itu pengkaji cuba untuk memartabatkan identiti seni bina dan sejarahnya agar tidak dilupakan begitu sahaja pada era modenisasi ini.

4.4 Ciri-Ciri Pengaruh Seni Bina Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

Pengertian seni bina memberi kefahaman dan pentafsiran yang berbeza dikalangan arkitek dan juga ahli akademik. Menurut Vitruvius dalam bukunya *De Architectura* (sumber bertulis perihal Seni Bina tertua di dunia), bangunan yang baik haruslah memiliki Keindahan atau Estetika, Kekuatan dan Kegunaan atau Fungsi. Oleh itu, seni bina dapat dikatakan sebagai keseimbangan dan koordinasi antara ketiga unsur tersebut, dan tidak ada satu unsur yang melebihi unsur lainnya. Manakala menurut Ibnu Khaldun seni bina merupakan satu daripada asas tamadun yang paling utama yang merupakan lambang atau menifestasi daripada sesuatu tamadun. Oleh itu, berdasarkan pencapaian ini maka keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun itu dapat diukur seperti tamadun purba yang agung. Pada zaman tersebut, senibina yang bermutu dihasilkan dan sehingga kini masih lagi wujud walaupun dalam bentuk usang dan hampir runtuh.

Negeri Kelantan terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kekayaan seni bina binaan baik bangunan-bangunan kerajaan, rumah-rumah ibadat mahupun kediaman. Ia banyak dipengaruhi hasil percampuran dengan pengaruh Islam, Cina serta Inggeris yang datang berhijrah, berniaga dan mentadbir di Kelantan. Oleh itu pengkaji ingin menyentuh mengenai warisan seni bina yang terdapat pada fasad-fasad bahagian rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang seakan-akan tidak disedari kewujudannya supaya semua orang terutama generasi kini serta rakyat negeri Kelantan lebih mengetahui mengenai sejarah seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Hal ini tidak mustahil berkemungkinan rumah warisan ini akan runtuh dengan sendirinya nanti dan lenyap selamanya.

Keunikan identiti rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini dari segi fasad bangunan terdapat pada tiang, pintu utama, ornament, lubang angin, bumbung, penggunaan elemen pada pintu jendela yang melebihi satu unsur pengaruh dan lain-lain. Ia turut diperkuatkan lagi dengan kisah yang tersimpan sejak dahulu berkaitan dengan sejarah pembinaan dan penghuni rumah berkenaan. Jika dilihat kepada keunikan senibinanya, ternyata ia tidak dapat dipisahkan dari beberapa pengaruh senibina luar, terutama sekali pengaruh senibina Inggeris dan Cina manakala terdapat hanya bahagian atap singgora dipengaruhi oleh elemen senibina Melayu Tradisional. Walaupun beberapa fasad bangunan yang dikaji sudah mengalami kerosakan dan sukar untuk dikenalpasti pengaruhnya, namun beberapa ciri tertentu dalam senibina dan bahan pembinaannya masih tetap dengan identitinya yang tersendiri. Di sini, pengkaji membahagikan kepada tiga pengaruh seni bina termasuklah Seni Bina Melayu, Seni Bina Inggeris dan Seni Bina Cina yang difokuskan pada luaran fasad rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

4.4.1 Pengaruh Seni Bina Melayu

Senibina Melayu dapat dilihat dengan teknologi pembinaan yang ringkas dan mudah menggunakan bahan-bahan dari alam semulajadi. Pengaruh Melayu boleh dilihat dengan ciri binaan atap atau bumbung, tiang, alang, rasuk, lantai, dinding dan lain-lain lagi. Dalam pengaruh Melayu ini, ianya mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun sesuatu masyarakat setempat yang dizahirkan ke atas seni bina kebanyakan rumah lama termasuk masjid, istana raja-raja, wakaf dan pusara atau makam. Justeru, terdapat juga pengaruh Melayu pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher dikenalpasti walaupun secara mata kasar binaan terlihat ciri-ciri Inggeris.

I. Atap Bumbung



Rajah 4.6: Bumbung Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)


Bumbung dan kemasannya merupakan salah satu karakter bangunan bersejarah. Skala bumbung, bentuk, kecerunan dan jenis kemas yang digunakan sememangnya mempengaruhi gaya seni bina sesebuah bangunan. Kemas bumbung meyumbang kepada warna, tekstur, dan corak. Manakala pengaruh pembinaan dan pertukangan sama ada penduduk tempatan atau pendatang pula menyumbang kepada gaya persembahan bangunan. Jika dilihat daripada fasad bumbung rumah Dato' Haji Ahmad Maher, kemas yang digunakan adalah bercirikan Melayu iaitu atap genting singgora dan genting bentuk U atau V (dijadikan penutup perabung). Genting Singgora atau lebih dikenali sebagai atap bata tradisional dalam masyarakat Pantai Timur merupakan jenis kemas yang

diperbuat daripada tanah liat dan sangat meluas digunakan hampir kebanyakan rumah-rumah tradisional di Malaysia. Ia mempunyai kelebihan yang dapat menanggung beban, bersifat estetik, tahan lasak dan lebih tahan lama. Penggunaan genting singgora adalah sepenuhnya dipasang pada awal pembinaan sebelum kerja pembaikan dilakukan ke atas genting yang rosak. Malangnya kerja pembaikan ini tidak menunjukkan ciri penyenggaraan yang tidak betul apabila ia ditukarkan kepada atap moden yang dipasang pada bahagian bumbung sebelah kiri dan bumbung di ruangan belakang rumah.

4.4.2 Pengaruh Seni Bina Inggeris

Seni bina gaya Inggeris telah melalui tempoh satu abad apabila masih utuh dan tersergam indah pada bangunan-bangunan lama di Malaysia. Bangunan-bangunan lama ini dibina semasa era penjajahan British khususnya di Kelantan sekitar 1900 hingga 1940 menampakkan kesan dan tinggalan misalnya pada rumah-rumah kedai, Muzium Perang (Bank Kerapu) dan Masjid Muhammadi. Pembinaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher di dalam tempoh tahun berkenaan (1940) telah menjadi bukti terhadap senibina Inggeris sangat ketara kelihatan dan menjadi salah satu contoh bagi pengaruh budaya barat. Antara struktur identiti Inggeris yang dapat dikenalpasti daripada fasad luaran rumah Dato' Haji Ahmad Maher adalah seperti ornamen tiang, lubang angin atas (kekisi), beranda, tingkap dan juga pintu masuk utama

I. Ornamen Tiang



Rajah 4.7: Pengaruh Seni Bina Inggeris Pada Ornamen Tiang.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Gaya Inggeris datang dalam pelbagai jenis dan lingkungan penjajah lazimnya sangat sesuai untuk koridor, ruang tamu atau dewan. Gaya kolonial British dapat dikesan dari akhir abad ke-19, ketika Kerajaan Inggeris secara aktif menjajah Dunia Baru termasuk di Tanah Melayu. Salah satu kesan yang membawa asimilasi pengaruh terhadap seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher adalah dari segi ornamen tiang di beranda. Struktur ini merupakan satu unsur susunan seni bina klasik Inggeris yang merujuk kepada pengaruh Yunani. Senibina ini merujuk kepada jenis ornamen tiang yang terhasil daripada unsur kolum Komposit (*Composite*). Dalam seni bina, kolum Komposit adalah gaya lajur yang direka oleh Rom yang menggabungkan ciri-ciri lajur Ionik kuno Yunani dan lajur Korintus. Tiang daripada kolum Komposit mempunyai ukuran

yang tinggi dan mempunyai hiasan di bahagian atas. Dalam hal ini, unsur hiasan bunga dari kapital Komposit digayakan mengikut daun gaya Korintus yang digabungkan dengan reka bentuk tatal (*volute*) seterusnya menjadi ciri gaya Ionik. Pengaruh unsur Komposit ini dianggap salah satu daripada lima susunan seni bina klasik bagi orang Yunani, perkadaran bahagian struktur ini adalah lebih relatif dengan bahagian tubuh manusia.

II. Kekisi atau Lubang Angin Atas



Rajah 4.8: Stuktur Pengudaraan Berunsur Flora.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Sebilangan menyebutnya sebagai kerawang, batu angin atau sistem pengudaraan yang merupakan bahagian struktur bangunan yang mempunyai watak khas dalam bentuk hiasan berlubang. Bahan penghasilan lubang angin atas ini biasa diperbuat dari tanah liat, seramik kaca, campuran kayu, simen atau pasir konkrit, GRC (*Glassfibre Reinforced Cement*), besi atau logam tembaga bahkan dari batu semula jadi yang diukir. Secara fungsional, lubang angin atas adalah

elemen peredaran udara yang merentas rumah (*cross ventilation*) disamping menjadi penghias fasad bangunan untuk lebih estetik mana mempunyai unsur kosmos, geometri, flora dan sebagainya.

Contoh bangunan yang menggunakan salur angin sebagai struktur yang unik adalah masjid, gereja, istana dan bangunan bersejarah yang lain. Sebenarnya, pada era 50-an hingga 60-an, penerapan salur angin konkrit berkembang secara meluas di Tanah Melayu terutama pada rumah kediaman kesan daripada pengaruh penjajahan Barat. Dalam hal ini, pembinaan lubang angin seakan menjadi trend pada masa itu sehingga mempengaruhi seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Namun begitu, penggunaan penghawa dingin telah meluas diterapkan sebagai sistem pengudaraan yang terdapat pada kebanyakan bangunan pada masa kini.

III. Beranda



Rajah 4.9: Bahagian Beranda Dari Sudut Hadapan Rumah.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Beranda adalah lanjutan kecil untuk rumah yang mempunyai asas yang sama dengannya atau bersebelahan dengan ruang masuk utama rumah. Beranda mempunyai dua kategori iaitu sambungan secara terbuka dan tertutup. Beranda yang terdapat pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher adalah jenis sambungan secara terbuka. Beranda jenis ini berfungsi sebagai tempat berehat dan juga menjadi fasad tambahan kepada hiasan rekaan rumah. Kaedah pembinaanya juga menggunakan bahan-bahan yang tidak terdedah kepada pengaruh luaran, tahan lama dan mesra alam lazimnya seperti bahan batu, kayu atau kaca. Bagi beranda di rumah bekas mufti Kelantan ini juga, kesan pengaruh Inggeris adalah pada penggunaan laminat atau jubin seramik yang digunakan pada lantai. Manakala tiang pada beranda juga memperlihatkan elemen gaya seni bina roman iaitu penggunaan tiang batu berbentuk botol sebagai penghadang atau pengantara tiang ke tiang ornamen.



Rajah 4.10: Tiang Gaya Roman Atau Tiang Batu Botol.

(Sumber: Rakaman Foto di kajian lapangan)

Manakala pembinaan siling di beranda ini juga bersifat kolonial. Fungsinya sama sahaja dengan gaya Melayu Tradisional yang dibuat di bawah bumbung untuk melindungi struktur kayu bumbung seperti perabung, lurah, dan kayu kasau beranda dari penglihatan. Siling ini diperbuat daripada papan yang berbentuk segi empat sama atau persegi panjang, kosong (*plain*) dan mempunyai warna yang lembut iaitu putih susu. Rekaan siling ini lazimnya digunakan pada kebanyakan rumah di negara Eropah ekoran mendapat kesan daripada pengaruh rekaan Renaissance.

IV. Tingkap



Rajah 4.11: Tingkap Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Gaya kolonial mengandungi garis-garis mudah dan perkadaran yang betul di mana ianya sangat penting untuk ketukangan. Dicitikan oleh simetri dan keseimbangan, reka bentuk dan hiasan permukaan formal, dengan perhatian khusus terhadap pintu dan tingkap. Ciri ini direka untuk membolehkan cahaya menembusi di dalam bangunan. Walaupun penggunaan tingkap seperti itu popular pada abad ke-17, penjajah membawa idea ini kepada mereka ke Dunia Baru, dan menjadi titik penentu gaya penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Ciri-ciri tingkap gaya Inggeris ini adalah berbentuk simetri dan terdapat beberapa ciri tambahan yang akan membantu reka bentuk dengan betul dan kukuh iaitu panel. Panel direka dalam pelbagai bentuk dan saiz dengan arah mendatar dan menegak. Selalunya bilangan 1, 2, 4, 6 atau lebih panel mendatar dan menegak digunakan untuk jenang tingkap. Jika dilihat pada struktur jenang tingkap rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini, reka bentuk panel hanya terdapat pada arah melintang sahaja dengan mengandungi 5 panel di bahagian atas dan 10 panel kecil pada bahagian tengah tingkap. Dalam hal ini, sekiranya lebih banyak panel diletakkan di ruang tingkap atau pintu sekalipun, ia akan menampakkan ciri-ciri sesuatu bangunan yang lebih tradisional dan bernilai estetik tradisional.

VI. Pintu Masuk Utama



Rajah 4.12: Pintu Masuk Utama Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Bahagian fasad pintu masuk utama rumah Dato' Haji Ahmad Maher sememangnya mengalami banyak kerosakan dan penggantian dengan bahan atau struktur baru tanpa mengikut piawaian konservasi yang betul. Ini dilihat apabila papan pintu yang asal ditukar dengan penggantian papan jenis *plywood* berserta cermin tingkap jenis nako dibuat. Rekaan pintu masuk utama rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini sememangnya sangat berlainan daripada keadaan fasad yang asal kerana menurut En. Anis iaitu pewaris atau pemilik rumah berkenaan, terdapat satu rekaan pintu jenis panel dan mempunyai dua daun yang diperbuat daripada kayu. Rekaan pintu ini menambahkan keistimewaan dan fungsinya semasa penerimaan tetamu yang pada masa itu terdiri daripada kerabat diraja dan pemimpin tempatan malahan boleh memuatkan barang bersaiz besar.

Seterusnya pengaruh gaya seni bina Inggeris pada bahagian pintu juga terdapat pada hiasan berdekatan dengan bingkai pintu (*architrave*). Gaya senibina Roman kelihatan dengan jelas terutama pada bahagian ordinan tiang yang dibina secara bukaan melengkung dan mengapit pintu berkenaan. Rekaan roman ini seakan gerbang pintu yang dibina untuk menyambut kedatangan tetamu. Dalam hal ini, apabila kita melihat fungsi dan tujuan pembinaan gerbang di Rom pada ketika dahulu, *The Arch of Titus* yang dibina di Rom merupakan gerbang besar yang dibina untuk menyambut kedatangan kembali Titus (komander tentera Rom) yang mengepung dan menaklukkan pemberontakan Yahudi yang pertama di Yudea. Rentetan daripada itu, rekabentuk gerbang tidak kira di pintu, koridor atau lorong telah menjadi pengaruh dalam senibina inggeris secara minimalis dan mengembangkan ruang secara visual.

4.4.3 Pengaruh Seni Bina Cina

Pengaruh yang datang dari luar itu, terutamanya dari China telah mencorakkan seni bina tempatan yang tersendiri, termasuklah dalam seni binaan rumah. Senibina masyarakat Cina terbahagi kepada dua jenis iaitu senibina tradisional dan senibina Baba-Nyonya. Senibina tradisional biasanya terdapat pada Masjid dan Tokong manakala senibina Baba-Nyonya pada kebanyakan rumah tradisional yang diasimilasi dengan budaya tempatan. Masyarakat cina mempunyai kepercayaan terhadap sesuatu ukiran ataupun senibina yang digambarkan yang akhirnya mempengaruhi pemikiran dalam reka bentuk sesuatu bangunan. Pengkaji telah mengenalpasti beberapa fasad bangunan yang bercirikan rekaan cina pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini.

I. Kekisi atau Lubang Angin Bawah



Rajah 4.13: Rekaan Lubang Angin Bawah.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Lubang angin juga mempunyai struktur di bahagian bawah dan biasanya didapati pada paras bawah pintu jendela. Bahan pembuatan lubang angin bawah ini adalah sama dengan bahan pada struktur lubang angin atas iaitu daripada simen atau pasir konkrit yang diukir secara ukiran tebuk timbus (*ornamentation*). Secara fizikal, lubang angin bawah bukan sahaja bertindak sebagai elemen peredaran udara di rumah Dato' Haji Ahmad Maher, malahan menjadi penghias fasad bangunan warisan berkenaan untuk tampak lebih estetik dan menarik. Corak pada lubang angin bawah ini menampilkan rangka yang berbentuk oktagon dan bahagian dalamnya membentuk seakan-akan pasu atau porselin Cina. Seperti kita ketahui pembuatan porselin atau pasu sangat meluas dilakukan di China dan turut dieksport ke Semenanjung Tanah Melayu sejak zaman kerajaan awal. Dalam pada masa yang sama, kebarangkalian sekiranya corak berkenaan adalah pengaruh dari Tradisional Melayu adalah tipis memandangkan pembuatan seramik tempatan

hanya lebih tertumpu kepada jenis tembikar tanah seperti buyung, kendi, mangkuk, geluk, periuk dan sebagainya.

II. Hiasan Jenang Tingkap



Rajah 4.14: Hiasan Jenang Tingkap Bahagian Atas Dan Bawah Tingkap.


(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Stuktur ini adalah bentuk hiasan luaran yang terdapat di kebanyakan rumah, pejabat dan bangunan lain. Dalam kes ini, ia adalah jalur bahan yang melingkari sekitar tingkap dan pintu untuk semua sisi termasuk menegak dan mendatar. Menurut Lucio Cortella (2015), seni bina ini dikembangkan untuk memperhiaskan kemas pada reka bentuk bangunan akan memberikan gaya arkitek yang dapat dibezakan yang kita lihat hari ini, terutama di kediaman yang lebih bergaya tradisional. Menurut temubual bersama pakar senibina bangunan, rekaan hiasan ini mempunyai elemen yang dipengaruhi oleh gaya seni klasik Cina. Hiasan ini diperbuat daripada simen batu tiruan dan terletak pada atas dan bawah tingkap secara mendatar di mana mempunyai beberapa lapisan garisan yang

seakan terlihat semakin mengecil menuju ke arah dalam. Lapisan ini dikenal sebagai salah satu ciri-ciri seni bina di China yang disebut sebagai *Horizontal Emphasis* di mana penekanan rekaan adalah secara mendatar dalam binaan. Manakala jika dilihat pada hiasan bahagian bawah pula, terdapat bentuk ukiran timbul yang terdapat padanya adalah simbol *classical flower* yang banyak menghiasi binaan bangunan, rumah atau ornamen klasik.

4.5 Cadangan Kaedah Pemeliharaan Yang Sesuai Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

Menurut Ghafar Ahmad (1994), pemeliharaan bangunan warisan adalah satu tugas yang penting bagi memastikan khazanah-khazanah yang bernilai ini dapat dipelihara bagi generasi masa hadapan. Bangunan warisan penting kerana nilai seni binanya yang unik dan tidak terdapat pada bangunan moden hari ini menjadi bukti kepada sesuatu era dan peristiwa sejarah. Walaupun pemeliharaan bangunan dan monumen bersejarah di Malaysia masih dalam peringkat awal, adalah penting bagi usaha-usaha pemeliharaan diberi keutamaan sebelum warisan dan khazanah negara lenyap dibawa arus pembangunan moden. Menyedari akan hal ini, pengkaji cuba mengkupas mengenai kepentingan bangunan warisan sejarah termasuklah dalam kajian rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini dipelihara kepada masyarakat dan negara. Pelbagai langkah dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil daripada semua pihak untuk mengatasi daripada kemusnahan dan perobohan. Antara cadangan pengkaji di dalam pemeliharaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher adalah sepertimana di dalam Rajah 4.15 pada halaman seterusnya.



Rajah 4.15: Cadangan Pemeliharaan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

4.5.1 Penglibatan Masyarakat

Penglibatan masyarakat dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam usaha pemeliharaan warisan dan perlindungan harta warisan bina. Pendekatan ini bermaksud satu bentuk penglibatan yang menyeluruh iaitu setiap lapisan masyarakat samada dari aspek pengagihan peranan atau penyaluran input yang tepat kepada pentadbir untuk membuat keputusan dasar. Rumah bekas Mufti Kelantan ke-7 ini yang kaya dengan kepelbagaian elemenseni bina ini amat bernilai kepada masyarakat setempat dalam pelbagai aliran seperti kesenian, sejarah, agama, nilai estetika, dan

perlancongan Hal ini bermaksud, kepentingan masyarakat seharusnya menjadi keutamaan dalam usaha pemeliharaan kawasan warisan berkenaan. Menurut Paul Box (1999), galakkan penyertaan oleh orang awam atau komuniti dalam pemeliharaan sesuatu sumber atau aset warisan ini sudah pasti menampakkan akan keuntungan pada masa akan datang. Sekiranya kesedaran komuniti dan masyarakat di Kelantan berada pada tahap tinggi terhadap kepentingan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini, ini sangat membantu Pihak Berkuasa Tempatan merangka pelan-pelan perlindungan.

Oleh itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan warisan tinggalan rumah bekas Mufti Kelantan yang tersisih akibat pembangunan pesat melalui bantuan masyarakat adalah mesti dilakukan untuk menyokong usaha yang dibuat dalam pelan perlindungan Pihak Berkuasa Tempatan. Misalnya, kita boleh mengambil contoh di negara maju Asia lain seperti China, Jepun, Korea Selatan dan sebagainya yang mana dalam persekitaran masyarakat mereka sendiri, dapat dilihat bahawa kesedaran terhadap kepentingan menjaga dan memelihara monumen-monumen sejarah dan bangunan warisan adalah di tahap yang tinggi. Mereka sangat menitikberatkan aspek-aspek identiti kesenian dan budaya yang ada pada sesebuah bangunan warisan sehingga tidak akan membiarkan ia tenggelam dek arus kemodenan. Oleh yang demikian, penglibatan pemeliharaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher oleh penduduk setempat amatlah digalakkan dan menjadi tanggungjawab bersama tanpa membiarkan salah satu warisan sejarah di negeri Serambi Mekah ini dimonopoli oleh pihak lain yang mempunyai agenda tersendiri untuk mendapat keuntungan secara peribadi semata-mata. Bagi pengkaji, kesedaran yang tinggi oleh

masyarakat tentang menghargai tinggalan sejarah adalah pemangkin dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu bangunan warisan.

4.5.2 Pemahaman Bangunan Warisan

Budaya pemahaman berkaitan dengan bangunan bersejarah termasuklah rumah Dato' Haji Ahmad Maher haruslah ditingkatkan agar dapat pihak pemilik dan pemaju memahami dengan jelas mengenai potensi warisan dalam menjana pelbagai keuntungan. Hal ini kerana, pada pandangan pengkaji, rumah tinggalan yang unik berkenaan mampu dijadikan ruang yang mampu memenuhi aktiviti sosioekonomi dan permintaan pengunjung semasa. Kekurangan maklumat dan pemahaman seperti maklumat dan fakta atau sejarah latar belakang perihal rumah dan tapak bersejarah merupakan antara masalah yang terpaksa dihadapi dalam proses mewartakan dan memelihara aset warisan. Ini adalah disebabkan oleh kerana proses perwartaan bangunan lama dan tapak bersejarah hanya dapat dijalankan sekiranya kebenaran daripada pihak pemunya ataupun pemilik persendirian diperolehi (Ng Yen Yen, 2000). Dengan adanya pemahaman yang mendalam, maka aset warisan ini dapat dilindungi oleh pihak berkepentingan seperti pemilik bangunan, masyarakat dan pentadbir kawasan dalam kerja memelihara dan melindungi bangunan warisan mengikut prinsip perlindungan sebenar. Pemahaman warisan ini jelas merupakan antara alternatif yang tepat untuk menggerakkan usaha pemeliharaan terhadap bangunan bersejarah.

4.5.3 Kerjasama Erat Agensi Kerajaan dan NGO.


Seterusnya, kerjasama yang erat antara agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan seperti Muzium Negeri Kelantan dan NGO harus berganding bahu dalam mengatasi isu berkaitan pemeliharaan dan perlindungan terhadap rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Pendedahan dalam perundangan dan dasar haruslah diterapkan dalam bidang pendidikan agar dalam memberi pengetahuan kepada masyarakat. Peruntukan undang-undang seperti yang sedia maklum, terdapat pelbagai peruntukan undang-undang yang memadai di dalam aspek perancangan, penguatkuasaan dan pelaksanaan projek pemeliharaan dan alam sekitar, pentadbiran dan struktur kewangan yang kukuh, mempunyai proses penyertaan orang awam, mempunyai suatu budaya berpengetahuan, dan keupayaan untuk menyesuaikan kepada keadaan yang sentiasa berubah. Manakala, pihak NGO harus berperanan menjalankan pelbagai usaha seperti menjana peruntukan atau dana sebagai satu langkah dalam usaha pemeliharaan rumah bekas Mufti Kelantan ke-7 itu. Selain itu, kempen turut dilakukan sebagai satu langkah dalam memperkenalkan rumah yang penuh estetik berkenaan sebagai pendedahan akan kewujudannya agar ia tidak dilupakan oleh masyarakat.

Pihak kerajaan dan NGO juga haruslah membina sebuah platform untuk berkomunikasi dengan pihak pewaris Dato' Haji Ahmad Maher agar dapat menyampaikan masalah dan cadangan berkaitan dengan rumah tersebut. Dengan adanya ruang untuk berkomunikasi, maka kerjasama dapat dilakukan dengan lebih proaktif. PBT juga harus tahu bahawa perancangan pemeliharaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang lebih efisien serta praktikal dapat dicapai melalui maklumat yang lebih baik dan maklumat ini seharusnya datang dari sistem capaian maklumat yang lebih mantap. Menurut Syed Zainol Abidin Idid (1996),

Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO perlu sedar sekiranya tiada pengawasan secara menyeluruh terhadap bangunan warisan ini, lambat laun negara ini akan kehilangan aset warisan yang mencerminkan keunikan akan variasi pengaruh seni bina. Pada masa yang sama, peranan masyarakat setempat yang tinggal berdekatan dengan rumah Dato' Haji Ahmad Maher amatlah ditagih dalam mengambil memantau seterusnya mengambil tindakan yang serius ke atas sebarang bentuk gejala vandalisme, kecurian dan pemusnahan yang dilakukan tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan pewaris.

4.5.4 Pelan Perancangan

Dari segi pelan perancangan pemeliharaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher memerlukan perancangan yang jitu bagi memastikan rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang dikenal dari segi nilai warisan dan sejarahnya boleh dikategorikan sebagai zon pemeliharaan di mana dapat melindungi dan memelihara bangunan tersebut daripada ancaman kepupusan atau pembangunan.. Proses pewartaan dan menggazetkan rumah berkenaan juga perlu ditumpukan jika dimiliki oleh pihak persendirian. Terdapat empat pelan perancangan yang digariskan oleh pengkaji dalam memartabatkan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Antara empat pelan perancangan yang dicadangkan adalah sepertimana di dalam Rajah 4.16 pada halaman seterusnya.



Rajah 4.16: Cadangan Pelan Perancangan Pemeliharaan.

I. **Pembaikpulihan Kerosakan Binaan.**

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher berpotensi di dalam kerja baikpulih sekiranya setiap individu dalam masyarakat seperti pewaris rumah dan pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) memainkan peranan mereka dalam usaha mempertahankan keberadaan rumah ini. Proses pembaikpulihan bangunan haruslah dilakukan mengikut prinsip-prinsip konservasi yang telah ditetapkan iaitu meminimumkan gangguan pada bangunan kerana rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini mempunyai banyak kerosakan yang serius, bukan sahaja pada bahagian lantai rumah

malahan juga pada dinding dan bumbung rumah. Ini sememangnya memberi kesukaran bagi agi pengkaji dalam mengenalpasti identiti pengaruh senibina yang terdapat pada struktur bangunan yang dikaji.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa bahagian masih dalam keadaan yang baik dan oleh itu sekiranya pihak konservator ingin melakukan pemuliharaan bangunan ini, mereka hendaklah membaiki hanya bahagian yang rosak sahaja. Penggunaan kaedah saintifik untuk mengkaji bahan-bahan yang digunakan pada seni bina bangunan kerana difahamkan bahawa struktur seni bina bangunan rumah Dato' Haji Ahmad Maher menerima pengaruh daripada Inggeris dan Cina di samping juga pengaruh Tradisional Melayu sendiri. Dalam erti kata lain, kebarangkalian bahan yang digunapakai pada tahun pembinaannya adalah merupakan bahan yang diimport daripada luar Malaysia adalah tinggi.

II. Pelaksanaan Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Yang Betul.

Menurut Powell (1994), bangunan-bangunan lama merupakan suatu warisan yang mempunyai nilai tersirat dan tersurat. Ia mempunyai nilai yang saling berkait dengan budaya dan hidup penghuni atau secara tidak langsung membentuk alam persekitaran bandar yang penuh makna dari segi fungsi fizikal dan kepentingan kebudayaan masyarakat. Terdapat beberapa pendekatan kerja pemuliharaan yang dilaksanakan pada rumah Dato' Haji Ahmad Maher tidak mengikut prinsip dan etika pemuliharaan yang betul seperti penggantian daun tingkap dan genting bumbung yang

tidak mengikut reka bentuk asal serta tidak menggunakan bahan binaan asal. Bagi pandangan pengkaji, pendekatan dalam pemuliharaan dan pengubahsuaian yang lebih sesuai perlu diamalkan oleh pihak berkaitan dengan mendapatkan khidmat nasihat pakar pemuliharaan bangunan terlebih dahulu dalam setiap kerja-kerja pengubahsuaian rumah ini.

Justeru, sekiranya perlu digantikan sesuatu bahan binaan yang mengalami kerosakan dengan yang baru, pemilihan hendaklah daripada jenis dan tekstur yang sama ataupun hampir sama dengan bahan yang asal. Secara dasarnya, rangka kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian rumah yang dikaji ini perlu diperbetulkan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi membudayakan etika kerja pemuliharaan yang betul. Salah satu ialah dengan menyediakan dan memperkenalkan pernyataan kaedah kerja-kerja pemuliharaan yang berlandaskan kepada prinsip, falsafah, dan etika pemuliharaan yang betul. Justeru itu, usaha-usaha pemuliharaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher perlu dilakukan dalam apa cara sekalipun dari semasa ke semasa agar generasi akan datang berpeluang untuk melihat dan menikmatinya dalam rekaan bentuk yang sedia ada sebagaimana rumah ini dulu dibina sebelum Tanah Melayu merdeka.

III. Perancangan Penyenggaraan Yang Lebih Menyeluruh.

Penyenggaraan merangkumi kerja pembaikan dan pembaharuan dengan menggantikan komponen atau elemen rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang sudah mengalami kerosakan bagi memulihkan kembali fungsi bangunan. Di dalam konteks kejuruteraan, penyenggaraan merupakan penggantian bahagian-bahagian komponen sebelum komponen tersebut

mencapai jangka hayatnya bagi mengelakkan berlakunya tahap kerosakan yang lebih serius. Penyelenggaraan yang lebih menyeluruh boleh dilakukan ke atas rumah Dato' Haji Ahmad Maher dengan membuat pembaikan dan menggantikan segala kerosakan. Pendekatan penyelenggaraan melibatkan kerja-kerja pembaikan dan pemulihan fungsi dan keadaan asal setelah sesuatu bangunan warisan itu mengalami kerosakan atau kegagalan.

Pada pandangan pengkaji, rumah Dato' Haji Ahmad Maher perlu melalui proses kerja-kerja penyelenggaraan iaitu pembaikan dengan menggantikan bahagian yang telah rosak dan gagal untuk berfungsi. Bahagian-bahagian seperti siling yang telah menggunakan atap jenis singgora hendaklah segera dibaiki dan kepada baharu. Seterusnya kerja pembaikan juga harus dilakukn di bahagian pintu dan jendela yang sudah hilang dan rosak. Kerja-kerja penyelenggaraan dalam aspek pencegahan juga boleh dilakukan ke atas rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini dengan memelihara elemen-elemen bangunan tersebut. Kerja-kerja pembersihan dijalankan secara berkala dan berjadual bagi mengelakkan kawasan rumah ditumbuhi dengan semak. rumah Dato' Haji Ahmad Maher haruslah dipulihara dan dipelihara dengan baik kerana mempunyai nilai warisan dan sejarah bagi negeri Kelantan.

IV. Pewartaan Ke Peringkat Lebih Tinggi.

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang kini menjangkau usia 80 tahun yang terdapat di celah-celah pembangunan Kota Bharu ini mampu dilihat keberadaan struktur dan selebihnya telah hilang dan musnah. Oleh itu, rumah milik bekas pemimpin yang sangat disegani suatu ketika dahulu

ini perlu diwartakan agar ia dapat dijaga, dipulihara dan diketahui orang ramai mengenai nilai warisannya yang lebih menampakkan gaya senibina Inggeris berbanding Tradisional Melayu dan Cina. Walaupun di Kelantan, sebahagian masyarakat dikatakan menyimpan dendam terhadap peristiwa bersejarah lampau tersebut, akan tetapi rumah tersebut adalah salah satu aset yang menjadi saksi dan tempat tinggal bekas mufti Kelantan yang telah menegakkan syiar agama islam sehingga mencapai satu tahap yang maju dan dikenali serantau.

Menyedari bahawa kepentingan nilai sejarah minoritinya tidak diindahkan dan hanya dipandang enteng oleh generasi muda masa kini, pihak yang berwajib seperti perbadanan muzium, institusi sekolah dan pengajian perlu meggerakkan usaha dan memperkasakan lagi rangka cadangan perwartaan bagi memupuk semangat patriotisma dan cinta akan aset warisan yang seperti kita ketahui sangat jarang sekali untuk ditemui pada masa kini. Bagi menggerakkan proses-proses pemeliharaan dan pemuliharaan seterusnya mencapai tahap pewartaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher, rumah warisan ini mampu berperanan sebagai salah satu simbol sejarah dan warisan ketara Malaysia, yang mana menjadi medium tarikan pelancong sekaligus dapat menjamin ekonomi penduduk setempat mahupun negara.

4.5.5 Media Massa

Media massa dan media sosial memainkan peranan penting sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat serta memberikan

kesedaran kepada masyarakat. Media massa dan media sosial dianggap mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar terhadap individu dan institusi masyarakat. Pengkaji percaya bahawa mesej komunikasi yang disampaikan oleh media massa bukan sekadar memberikan maklumat kepada orang ramai malahan dapat mengubah pendapat dan pengaruh mereka. Walau bagaimanapun, setiap individu haruslah memastikan setiap isu yang ingin diketengahkan adalah daripada sumber yang sahih. Hal ini kerana, setiap isu yang dipaparkan di media media sosial membawa pengaruh yang besar dan mudah tersebar dengan cepat dan boleh membawa kepada pelbagai impak yang berupa cadangan, bantuan, idea mahupun kritikan negatif.

Dalam usaha untuk memulihara dan memelihara rumah Dato' Haji Ahmad Maher sebagai khazanah warisan, sesuatu inisiatif perlu dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti nilai sejarah, fungsi, seni bina, usia, serta sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan. Kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat Malaysia tidak kira bangsa dan agama. Justeru itu, usaha pemeliharaan seni warisan negara perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dengan mengambil kira isu-isu yang telah dibangkitkan. Ekoran daripada isu yang telah diketengahkan dalam media massa dan juga media sosial ini, timbulnya berbagai perbincangan dan perbincangan oleh segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada berbagai bidang dan kepakaran seterusnya membawa kepada penyelesaian bagi sesetengah isu tersebut. Sesetengah isu yang hangat dibincangkan di media sosial ini mendapat perhatian daripada kerajaan serta NGO yang kemudiannya berusaha merangka pelan tindakan segera bagi menyelesaikan

sesuatu isu terbabit dengan kerjasama masyarakat tempatan. Secara tidak langsung, isu pemeliharaan dan pemuliharaan rumah ini dapat diselesaikan mengikut garis panduan Jabatan Warisan Negara secara tersusun.

Misalnya, peranan media massa pernah sebelum ini digemparkan dengan isu rumah warisan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 15 Mac 2017 yang bertajuk Bincang Nasib Rumah Pusaka Chow Kit. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan membincangkan isu rumah pusaka Chow Kit melalui satu mesyuarat yang dikendalikan oleh Jabatan Warisan Negara. Mesyuarat ini dijalankan bagi menjawab tentang isu pembinaan semula rumah berkenaan kerana ia turut membabitkan perihal tempat asalnya yang mempunyai nilai warisan yang lebih tinggi jika tempatnya tidak diubah. Bagaimanapun bahagian rumah pusaka berkenaan dileraikan secara tertib dan kini berada dalam jagaan sekumpulan sukarelawan yang berusaha untuk membinanya semula sejak tiga tahun tetapi gagal berikutan pihak yang tidak berminat membuat pelaburan. Berikutan tentang isu ini dibicarakan di dalam akhbar Berita Harian yang bertarikh 26 September 2018, Rumah Pusaka Chow Kit ini telah dibina semula di tapak baharu iaitu di perkarangan Balai Seni (BSN), Jalan Tun Razak. Hampir 90 peratus komponen kayu rumah yang dibina semula ini adalah daripada binaan asal rumah tersebut dan sedikit penambahbaikan dibuat bagi mengukuhkan rumah ini agar ianya lebih selamat kerana usianya yang agak lama.

4.6 Penutup

Peninggalan rumah pusaka Dato' Haji Ahmad Maher ini sememangnya telah menjadi simbol kepada bukti keunikan pembinannya sejak zaman kolonial.

Justeru, ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya dalam memastikan bangunan bersejarah ini untuk dipelihara dan dilindungi. Hal yang demikian kerana, agar generasi yang akan datang dapat mengenali dan memahami akan rumah ini yang dilihat terbiar berada di celah-celah pembangunan pesat berlokasi di Wakaf Siku, Kota Bharu. Selain itu, bagi pengkaji, rumah yang sebegitu besar milik bekas Mufti Ke-7 Kelantan tersebut haruslah dikekalkan dan dipertahankan binaannya kerana ia memiliki nilai seni bina yang amat bernilai. Dalam hal ini juga, untuk memartabatkan nilai warisan tapak dan bangunan rumah tersebut yang masih wujud di bandar Kota Bharu, perkara ini juga bertujuan untuk menjadikan ia sebagai satu bentuk aset yang terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang dilakukan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan ketiga-tiga objektif kajian. Dalam hal ini, perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidikan di masa hadapan untuk merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini pada masa akan datang. Sememangnya projek penyelidikan ini mampu sedikit sebanyak dalam membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diinginkan kelak. Dalam memartabatkan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini, sejujurnya memerlukan usaha yang mapan oleh semua pihak di mana selari dengan misi dan matlamat pengkaji agar tidak bertentangan atau berlawanan demi mengaut keuntungan komersial semata-mata.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Keistimewaan Seni Bina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisisan data ketiga-tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengetahui Sejarah Rumah Dato' Haji Ahmad Maher di Bandar Kota Bharu, Kelantan.

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi secara lebih terperinci terhadap nilai integriti pembinaan rumah banglo bekas Mufti Kelantan ke-7 ini iaitu Allahyarham Dato' Haji Ahmad Maher. Dari segi kemashyuran Dato' Haji Ahmad Maher ini, beliau sangat dikenali dan disegani oleh masyarakat tempatan oleh kerana keperibadiannya yang tinggi dalam tampuk kepimpinan dan juga sebagai ulama yang terus memperjuangkan syiar agama Islam di Kelantan. Mana tidaknya, beliau merupakan anak murid yang terdiri daripada ramai tokoh ulama tersohor di nusantara seperti Tok Kenali, Tok Khurasan, Haji Yaakub Lorong Gajah Mati dan termasuk bapanya sendiri iaitu Tok Kemuning. Dengan berbekalkan pengetahuan luas tentang agama Islam dan dikurniakan ingatan yang luar biasa (sehingga digelar Maher oleh Mufti Mesir), beliau telah menabur bakti kepada negeri asalnya iaitu Kelantan dengan menyandang jawatan-jawatan penting dalam tampuk pemerintahan. Hasil analisis mendapati bahawa Dato' Haji Ahmad Maher telah menyandang sebanyak sebelas jawatan dari tahun 1931

hingga akhir hayatnya pada tahun 1968. Dalam tempoh 37 tahun itu, banyak pembaharuan dan sumbangan dilaksanakan lebih-lebih lagi sewaktu beliau menyandang jawatan Mufti Kelantan Ke-7 pada tarikh 1 Januari 1945 di mana menekankan ajaran islam yang sentiasa membawa ummah ke arah kemajuan dan kehidupan lebih bertamadun.

Seterusnya dari segi pemerhatian pengkaji kepada rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini, pengkaji dapat mengetahui tentang keberadaan lokasinya yang agak terpinggir dari arus pembangunan bandar Kota Bharu. Hal ini dilihat apabila tapak rumah tinggalan tokoh pemimpin berkenaan terselindung dari bangunan rumah kedai. Binaan rumah berkenaan sememangnya masih utuh dan hasil rujukan kajian lepas menunjukkan bangunan ini dibina pada tahun 1940, setahun sebelum pendaratan Jepun di Tanah Melayu pada Perang Dunia Kedua. Tanpa kita sedari, disebalik sejarah penjajahan yang berlaku di negara Malaysia khususnya di Kelantan, rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini menjadi saksi kepada peristiwa hitam berkenaan. Hasil kajian juga mendapati bahawa rumah berkenaan sudah beberapa kali melalui renovasi secara berperingkat di mana pengubahsuaian struktur telah dilakukan. Misalnya dari segi sejarah perobohan, apabila rumah tinggalan Dato' Haji Ahmad Maher ini tidak berpenghuni lagi, struktur bahagian anjung rumah terpaksa dirobohkan kesan daripada pembinaan rumah kedai di hadapannya. Sememangnya tindakan berkenaan menjejaskan nilai estetik seni bina rumah berkenaan apabila struktur asalnya telah hilang. Sememangnya, pembinaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini terkandung di dalamnya sejarah dan menonjolkan kemewahan dan keunggulan seni bina yang pada pandangan pengkaji memperlihatkan luar dari kebiasaan rumah-rumah tradisional di Kelantan.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengkaji Ciri-Ciri Pengaruh Seni Bina Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

Dari segi pemerhatian, rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri bukan sahaja dari segi sejarah pembinaan, tokoh yang mendiami, malahan yang paling ketara dilihat dari sudut pandangan fizikal adalah asimilasi pengaruh seni bina. Dalam hal ini asimilasi seni bina yang telah berjaya dikenalpasti adalah mempunyai tiga unsur termasuklah Tradisional Melayu, Cina dan yang paling menonjol adalah gaya seni bina kolonial lama Inggeris. Gaya seni bina rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini berupa rumah batu atau rumah moden Melayu baru yang sememangnya ke arah penerapan rekabentuk fasa moden (sebelum merdeka). Menurut Ar. Mohd Kamaludin Adam (2017), fasa moden ini bermaksud perubahan elemen binaan gaya tradisi ke gaya kolonial moden seperti rekabentuk tingkap, lubang angin, pintu dan lain-lain fasad lagi. Manakala, rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini juga melibatkan fasa kepada pendedahan bahan binaan baru seperti batu bata dan jubin. Namun begitu, analisis untuk menentukan sesuatu pengaruh seni bina padanya sememangnya memberi cabaran kepada pengkaji disebabkan oleh keadaan fasad yang telah mengalami kerosakan yang serius malahan sangat mendukacitakan sekali adalah terdapat penggantian struktur baru daripada yang asal. Oleh itu, objektif ini berjaya dikenalpasti melalui rujukan kepustakaan, temubual bersama pewaris rumah dan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang senibina.

Analisis menunjukkan bahawa pengaruh seni bina kolonial atau Inggeris mendominasi hampir keseluruhan fasad luaran bangunan seperti tiang, lubang angin atas, beranda, tingkap dan pintu. Terdapat sedikit unsur pengaruh seni bina klasik cina seperti lubang angin bawah dan hiasan jenang tingkap yang menghiasi

bahagian fasad luaran rumah Dato' Haji Ahmad Maher. Dari segi segi pengaruh Tradisional Melayu pula, hanya terdapat satu struktur yang dikesan melalui penelitian dan perbandingan dengan rumah tradisional melayu Kelantan iaitu pada bahagian bumbung. Bahagian yang dimaksudkan adalah penggunaan atap jenis singgora yang seperti yang sedia maklum sangat meluas digunakan dalam ciri binaan rumah melayu terdahulu. Bagi kepentingan analisis ini daripada pandangan pengkaji, seni rekaan bangunan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini sememangnya memberi ruang di dalam proses asimilasi budaya diantara tiga bangsa yang berbeza. Hasil daripada itu, maka wujudlah satu aspek yang ketara iaitu terhasilnya suatu yang unik dan menarik di dalam senibina rumah di Kelantan ini. Identiti ini seterusnya berjaya menerapkan gabungan di dalam situasi yang penuh mesra dan harmoni di mana sangat sukar untuk ditemui lagi setelah senibina hibrid seperti vernakular, regional, elektik, revival dan lain-lain lagi tersebar luas pada zaman pasca merdeka kini.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Mencadangkan Kaedah Pemeliharaan Yang Sesuai Pada Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas pengaruh senibina rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini, sewajarnya usaha-usaha pemeliharaan dilakukan bagi menghasilkan catatan dan dokumentasi data dan maklumat berkenaan bangunan sejarah secara sistematik. Umum mengetahui, rumah warisan ini merupakan rumah bekas seorang Mufti Kelantan Ke-7 yang pada suatu ketika dahulu dikatakan sangat berpengaruh terhadap masyarakat Kelantan. Menurut Stipe (1995), pemeliharaan bangunan bersejarah terutama strukturnya adalah kerana hubungannya kepada peristiwa lepas, kawasan, monumen dan orang

perseorangan yang penting untuk kebanggaan dan pemahaman. Faktor ini kukuh untuk membina imej yang jelas pada identiti rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini yang merangkumi ciri-ciri fizikal sesuatu kepada sejarah silam dan tokoh, membezakannya dengan rumah yang lain. Tambahan pula, lokasi rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang berada berdekatan dengan Bandar Warisan Budaya iaitu Kota Bharu mampu tergolong di dalam kelompok imej dan identiti bangunan warisan sebaris Muzium Negeri Kelantan, Masjid Muhammadi, Muzium Islam, Muzium Perang (Bank Kerapu), Muzium Adat dan Istiadat Diraja Kelantan (Istana Jahar), Muzium Diraja Istana Batu, Rumah Kedai Lama dan lain-lain lagi.

Oleh itu, pengkaji menggariskan beberapa kaedah pemeliharaan yang dikenalpasti sangat relevan dengan keberadaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher pada masa sekarang. Resolusi ini melibatkan setiap pihak termasuk pewaris, masyarakat setempat, pihak badan kerajaan mahupun bukan kerajaan (NGO) dan media massa. Pewaris sebagai pihak yang utama dalam merencanakan pemeliharaan seyogianya memberi sepenuhnya kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan dalam tindakan memulihara rumah warisan berkenaan. Ini seterusnya mampu membawa kepada pembangunan ke atas ekonomi setempat dalam penerokaan bidang pelancongan berteraskan kebudayaan sejarah. Pengkaji juga menggariskan empat pelan perancangan di mana mempunyai tujuan yang sama supaya rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini dikenal dari segi nilai warisan dan sejarah yang boleh dikategorikan sebagai zon pemeliharaan. Antaranya adalah Pelan Pembaikpulihan Kerosakan Binaan, Pelan Pelaksanaan Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik, Pelan Perancangan Penyelenggaraan Menyeluruh dan Pelan Pewartaan.

5.3 Rumusan

Mafhumnya, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian digunakan oleh pengkaji dalam kajian Keistimewaan Identiti Seni Bina Rumah Dato Haji Ahmad Maher Sebagai Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara adalah sangat berhasil dan berkesan. Melalui temubual informan atau responden, kaedah ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat khususnya pada analisis objektif pertama dan kedua. Pewaris Allahyarham Dato Haji Ahmad Maher sebagai responden A yang ditemubual pengkaji sangat memainkan peranan yang penting untuk memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat dan mengizinkan pengkaji membuat kajian lapangan rumah berkenaan. Manakala dari segi pemerhatian pula, dapatan kajian yang diperolehi sangat membantu dalam mengenalpasti sesuatu ciri-ciri seni binaan sama ada berunsur Melayu, Cina atau Inggeris. Hal ini dibantu oleh kaedah rakaman foto dan catatan nota di lapangan.

Dalam pada itu, dapat dirumuskan mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhan masih ada kekurangann dari segi pemeliharaan terhadap rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Malahan maklumat mengenai rumah berkenaan adalah terbatas setelah pengkaji meneliti kaedah data sekunder melalui internet, jurnal, dan lain-lain lagi. Namun begitu, terdapat dua kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji bagi menampung kekurangan maklumat yang ingin direkodkan. Keadaan ini menjadikan pengkaji ingin mempertahankan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini melalui analisis seni bina di mana mempunyai nilai estetik dan bersejarah yang harus dipelihara. Justeru beberapa langkah pemeliharaan telah siap siaga dinyatakan supaya nasib keadaan rumah berkenaan mendapat keputusan yang baik pada akhirnya.

5.4 Cadangan

Rumah Dato' Haji Ahmad Maher merupakan salah satu aset warisan yang harus diselamatkan agar menjadi produk perlancongan yang bersejarah yang perlu diketahui oleh orang ramai sama ada dari dalam mahupun luar negara. Segala jenis kerosakan dan mahupun identiti seni bina pada fasad bangunan berkenaan harus dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar rumah tinggalan lama berkenaan tetap terjaga dan terpelihara. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini dikenalpasti untuk penyelidikan di masa hadapan. Antaranya adalah:

I. Menjadi Bukti Sejarah dan Kebudayaan di Kelantan

Pengkaji berharap agar rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini menjadi salah satu ikon tempat yang bersejarah dari segi khazanah sejarah pembinaan, tokoh sejarah, pengaruh seni bina dan rekaanya agar dapat menjadi bukti sejarah dan kebudayaan yang kekal di samping menjadi bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji lain serta masyarakat tempatan. Warisan tidak ketara terutamanya yang tidak terpelihara dan terpelihara keasliannya lazimnya akan pupus tanpa disedari dan ianya merupakan satu perkara yang amat merugikan sesuatu bangsa dan negara.

II. Merekomendasi Keberadaan Rumah Dato' Haji Ahmad Maher.

Usaha mempromosi atau memartabatkan rumah yang dikaji ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa secara konsisten bagi memperkenalkan ia di mata penduduk tempatan lebih-lagi kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini kerana, bagi pengkaji cadangan ini perlulah

diperhalusi oleh pengkaji di masa hadapan melalui pembentangan kertas kerja dan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan negeri melalui badan-badan utamanya seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan agensi-agensi swasta.

III. Pengdokumentasian Penuh Rumah Dato Haji Ahmad Maher.

Cadangan penting yang harus diperankan oleh pengkaji masa hadapan adalah melalui pengdokumentasian secara keseluruhan berkenaan rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Jika dilihat dalam kajian lepas ebelum ini, terdapat satu kos pengajian di Universiti Malaysia Kelantan iaitu Konservasi Warisan pernah membuat kajian berkenaan dilapidasi dan pendokumentasian kerosakan di rumah berkenaan. Oleh itu, ia menjadi rujukan utama oleh pengkaji masa kini khususnya dalam mengenalpasti struktur fasad yang asli dan sebenar di mana telah direkod di dalam pendokumentasian tersebut. Justeru itu, pengkaji lepas seharusnya mengambil manfaat ini dalam menghasilkan keterangan atau bukti secara lebih terperinci daripada rumah Dato' Haji Ahmad Maher agar nilai warisan dan sejarahnya terus kukuh dan tidak lekang dek hujan, tidak karat dek panas.

5.5 Penutup

Secara kesimpulannya, identiti sesuatu seni bina itu diibaratkan sebagai permata yang berharga kerana bernilai estetik dan merupakan jati diri sesuatu bangsa. Rumah Dato' Haji Ahmad Maher yang diperbuat daripada konkrit menjadikan dinding dan struktur rumah tersebut masih kukuh sehingga sekarang walaupun sudah menjangkau usia 80 tahun. Oleh itu, rumah ini berpotensi untuk

dibangunkan sebagai daya untuk menarik pelancong luar datang ke Negeri Kelantan ini kerana rumah tinggalan tokoh mufti yang ulung berkenaan mempunyai nilai warisan dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Hal ini juga berikutan rumah ini merupakan rumah mufti Kelantan yang pertama dibina. Maka aktiviti penyelenggaraan perluah dilaksanakan bagi menjaga dan mengekalkan ciri-ciri pengaruh binaan rumah ini yang terdiri daripada asimilasi budaya Melayu, Cina dan Inggeris. Walaupun kos penyelenggaraan akan menelan kos yang tinggi, namun dari sudut impaknya akan memberi kelebihan yang besar terhadap kebudayaan warisan khususnya di Kelantan sendiri untuk generasi akan datang.

Bangunan ataupun tapak warisan adalah sangat penting untuk dipelihara di Malaysia kerana bangunan adalah dikategorikan dalam Warisan Ketara di bawah Akta Warisan Negara (2005). Selain itu, bangunan warisan juga amat penting bagi sesebuah negara kerana ia memaparkan kepada orang luar tentang budaya sesuatu masyarakat itu malah bangunan warisan adalah merupakan sebuah aset warisan yang tidak terharga oleh sesebuah negara. Oleh itu, peruntukkan dan sumbangan modal yang besar adalah amat diperlukan sama ada dari pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) mahupun masyarakat itu sendiri bagi memelihara rumah Dato' Haji Ahmad Maher ini. Peranan media massa juga harus digembleng dalam menggerakkan usaha membangkitkan isu pemeliharaan berkenaan rumah tersebut agar ia terus kekal bertahan seiring dengan kemajuan dunia. Malah jika rumah ini tidak dipelihara dan isu ini dipandang enteng oleh masyarakat, negara Malaysia bakal kehilangan sebuah khazanah warisan milik negara yang amat bernilai. Seharusnya rumah yang mempunyai nilai warisan ini perlulah dijaga rapi oleh semua pihak yang berkepentingan dalam memastikan khazanah ini terus bertahan dalam jangka masa yang panjang.

RUJUKAN

- A, Ghafar. (2006). *Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah*. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia-apr%202013Yuszaidy%20Mohd%20Yusoff%20et%20al-edam.pdf>
- A, Syarina. (2016, May). *Seni Bina Cina*. Retrieved from <https://prezi.com/ezzi-iifyoem/seni-bina-cina/>
- Ahmad Anis Bin Mohd Shukri. (2020, October 26). *Sejarah Rumah Mufti Dato' Haji Ahmad Maher di Kota Bharu, Kelantan*. [Interview].
- Ahmad Fadli Bin Jusoh. (2020, June 26). *Pandangan tentang keberadaan Rumah Mufti Dato' Haji Ahmad Maher di kawasan tempat tinggal*. [Interview].
- Antsketcharch. (2017). *Prinsip Desain Arsitektur*. Retrieved from <https://antsketcharch.wordpress.com/2017/03/03/prinsip-desain-arsitektur/>
- Ariffin, A., & Zakaria, A. (2007). *Warisan Kelantan XXIV. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan*.
- Ariffin, M. (2006). *Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Bagi Struktur Konkrit Bertulang*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/1954/>
- Charter, T. B. (1999). *The Australian ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance*. Retrieved from <http://www.icomos.org/australia/burra.html>
- Chua, P. Y. (2006). *Mastering Research Methods*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/275969875_Mastering_Research_Methods
- Dr. Amani. (2016). *Tinjauan Literatur / Sorotan Kajian*. Retrieved from <http://amaniresearch.blogspot.com/2011/04/tinjauan-literatur-sorotan-kajian.html>

- Greenlane. (2018, December). *Semua Mengenai Tiang Komposit*. Retrieved from <https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/what-is-a-composite-column-177503/>
- Greenlane. (2019, November). *Sejarah Lengkungan Terkenal di Dunia*. Retrieved from <https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/famous-triumphal-arches-177357>
- Harun, S. N. (The Changing Image and Identity of Kota Bharu, Kelantan, Malaysia: From Cultural City to Islamic City. *International Journal of Social Planning and Development*, 1, 75-80.). 2011.
- Info314167. (2018, January). *Bingkai Tingkap*. Retrieved from <https://www.314167.info/2018/01/bingkai-tingkap/>
- Info314167. (2018, January). *Projek rumah dengan beranda*. Retrieved from <https://www.314167.info/2018/01/projek-rumah-dengan-beranda-2/>
- Ismail, G. (2005). *Dato' Haji Ahmad Maher Bin Haji Ismail, Al-Azhari: Satu Kajian Tentang Pemikirannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu. (2018). *Kuala Terengganu-Bandaraya Warisan Pesisir Air*. Retrieved from tourism.terengganu.gov.my
- Jabatan Perancang Bandar Ipoh. (n.d). *Konsep Pemeliharaan Am-Pemeliharaan Di Dalam Konteks Peningkatan Kualiti Tempat Dan Kepentingan Budaya*. Retrieved from <http://perancangbandar.mbi.gov.my/index.php/en/warisan/warisan/konsep-pemeliharaan>
- Jaffar, A. (2016). *Manfaat Nilai Estetika, Keunikan Bangunan Lama*. Berita Harian, p. 1. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/110573>
- Lokman, I. (2016) *Anjung Pandang: Metodologi Kajian*. Retrieved from <http://anjungwaliman.blogspot.com/2016/12/bpo.html>

- Kadir, A., & Suyurno, S. (2018) *Pengaruh Dekorasi dan Seni Bina China Dalam Tiga Buah Masjid Terawal di Melaka*. Retrieved from <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/22537/>
- Kamal, H. (2017). *Memelihara Kemurnian Akidah dan Amalan Muslim: Peranan dan Cabaran Institusi Mufti dalam Era Globalisasi*. Retrieved from <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2017/07/2.pdf>
- Kamarul, K. (2007). *Pemuliharaan dan Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Bagi Menyokong Industri Pelancongan Warisan Negara*. Retrieve from <http://buildingconservation.blogspot.com/2008/12/pemuliharaan-dan-penyesuaigunaan-semula.html>
- Kamarul, K. (2016). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Kamarul, K., & Ibrahim, L. (2012). *Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/11112/>
- Kenali, U. (2012). *Instrumen Kajian*. Retrieved from <https://ustazkenali.wordpress.com/2012/06/08/instrumen-kajian/>.
- Mansor, A. (1989). *Senibina Tradisional Melayu di Permatang Tok Jaya: Falsafah dan Pengaruh Terhadap Masyarakat Setempat*. Diploma thesis. Institut Teknologi Mara Shah Alam (published).
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in Education A Conceptual Introduction*. New York: Longman.
- Mohd Khairuddin Mohd Yusof. (2006). *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Perundangan dan peraturan mengeksport dan mengimport butiran warisan kebangsaan*. Forum Kurator. Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2008). *Seni Bina: Sejarah, Teori dan Kritikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd, O. (2018). *Penerapan Seni Bina Istana Lama Seri Menanti Dalam Reka Bentuk Bangunan Pejabat Daerah Seremban*. Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/79481/1/OthmanMohdNorPFAB2018.pdf>
- Najwa, I. (2015). *Pengenalan Tingkap*. Retrieved from <https://www.coursehero.com/file/46247441/PENGENALAN-TINGKAPdocx/>
- Nasir, A. (1985). *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Loyal Press Sdn Bhd.
- Nawi, H. (2015). *Megah Seni Bina Tradisional*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/node/27512>
- Norlizaiha, S. (2020). *Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlizaiha, S. (2010, September). *Corak Penempatan, Seni Bina dan Ruang Persekitaran Rumah Melayu Tradisi*. Retrieved from <http://kota-city.blogspot.com/2010/09/corak-penempatan-seni-bina-dan-ruang.html>
- Nor Susilawati Binti Mat Zin. (2020, June 26). *Pandangan tentang keberadaan Rumah Mufti Dato' Haji Ahmad Maher di kawasan tempat tinggal*. [Interview].
- Radhiah, R. (2014). *Hipotesis dan Pembolehubah Kajian*. Retrieved from https://www.academia.edu/28996313/Hipotesis_Dan_Pemboleh_Ubah_Kajian
- Rahman A., Musa Z., Saleh. S & Aziz A (2008). *Biografi Mufti-Mufti Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rijem, E. A. (2019). *Historic Shophouse of West Coast Sabah: Preservation Issue, Alternative Ways of Maintaining and Protecting Historic Shophouse*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 152-160.
- Rosnani, R. (2017). *Nilai Warisan perlu Dimartabatkan*. *Utusan Onlines*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/nilai-warisan-melayu-perlu-dimartabatkan1.529237>

- Sabitha. (2006). *Rekabentuk Kajian-Researcher Blog*. Retrieved from
https://dynamic5900.blogspot.com/2012/12/reka-bentuk-kajian_19.html
- Sahrudin Bin Mohamed Som. (2020, November 29). *Pandangan terhadap ciri-ciri pengaruh seni bina dan cadangan pemeliharaan Rumah Mufti Dato' Haji Ahmad Maher*. [Interview].
- Salim, A. (2013). *Data Kualitatif, Data Kuantitatif, Populasi Dan Sampel Dalam Penelitian*. Retrieved from
<https://aghoestmoemet.wordpress.com/2013/11/25/data-kualitatif-data-kuantitatif-populasi-dan-sampel-dalam-penelitian/>
- Saupi, A. (2012). *Laporan Kajian Dilapidasi Tapak Warisan Pusat Kawalan Kusta Negara*. Retrieved from
https://www.academia.edu/8481251/LAPORAN_KAJIAN_DILAPIDASI
- Shahabuddin. F. (2016). *Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti*. Retrieved from <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>
- Shila, A. (2018). *Contoh Metodologi Kajian*. Retrieved from
<https://www.slideshare.net/atokshila/contoh-metodologi-kajian-109026820>
- Shzack87. (2013). *Warisan Seni Bina Cina*. Retrieved from
<http://shzack87.blogspot.com/p/seni-bina-cina.html>
- Siti Nur Fatimah Binti Zuraidi. (2014). *Model Rangka Kerja Konservasi Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah*. Degree thesis. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (unpublished).
- Su Gin-Djih. (1908). *Chinese Architecture: Past and Comtemporary*. Hong Kong: Sin Poh Amalgamated.
- Syafiza, Aida. (2010, March). *Sejarah Rumah Melayu Tradisional*. Retrieved from
<http://melayuconner.blogspot.com/2010/03/sejarah-rumah-melayu-tradisional.html>

- Thehouseofchronic. (2020, January). *Beranda adalah pilihan dan reka bentuk idea*. Retrieved from <https://may.thehouseofchronic.com/4145005-the-veranda-is-options-and-design-ideas>
- Umar, M. (2017, March). *Pengurusan Strategik Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di George Town, Bandar Warisan Dunia UNESCO*. Retrieved from <https://www.slideshare.net/Umzarulazijo888/pengurusan-strategik-dalam-pemuliharaan-bangunan-warisan-di-georgetown-bandar-warisan-dunia-unesco>
- Umni Fatehah Binti Mohd Suhaimy. (2020, May 23). *Kajian lepas terhadap Rumah Mufti Dato' Haji Ahmad Maher*. [Interview].
- Yazid, S. (2010). *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yeoh, K. (2018). *Pembangunan Infrastruktur dalam Ekonomi Malaysia*. Retrieved from <https://kampusuols.com/article/423420/Uni-Kita/CETUSAN/Pembangunan-infrastrukturdalam-ekonomi-Malaysia>
- Yuslaintan. (2015). *Metodologi Kajian*. Retrieved from yuslaintan.wordpress.com
- Yuszaidy, M. (2013). *Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara*. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia/apr%202013Yuszaidy%20Mohd%20Yusoff%20et%20al-edam.pdf>
- Yuszaidi Mohd Yusof, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). *Akta Warisan Kebangsaan 2005*. Jurnal Melayu (8) 2011.
- Zainudin, Z. (2014, June). *Kepelbagaian Seni Bina dan Struktur Bangunan Bersejarah Di Melaka*. Retrieved from <http://zahirzainudin.blogspot.com/2014/06/kepelbagaian-seni-bina-dan-struktur.h>




LAMPIRAN

UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



RUJ. KAMI (Our Ref.) : UMK.A02.700-12/17 (30)
TARIKH (Date) : 29 SEPTEMBER 2020

Rumah Bekas Mufti Negeri Kelantan, Dato' Haji Ahmad Maher
Jalan Kuala Krai, Kampung Puteh
15050 Kota Bharu
Kelantan.

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Mohamad Rahimi Akmal Bin Mat Hassan	C17A0098	971118-03-5375	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

Tokoh Ulama Kelantan 1950 an Haji Ahmad Maher Haji Ismail

Oleh
**USTAZAH DR
ASIAH ALI**
Pengarah
ILHAM PAS
Pusat/AJK
LTPP



NAMA sebenarnya ialah Ahmad bin Haji Ismail bin Haji Abdul Hamid, (Haji Senik). Beliau dilahirkan di Ma'la Makkah. Kelahiran Haji Ahmad Maher di Makkah ialah kerana bapanya Haji Ismail bin Haji Abdul Hamid atau Tok Kemuning dan ibunya Hajjah Mek Tok datang ke Makkah dengan tujuan untuk menuntut ilmu agama.

Beliau dilahirkan pada bulan Ramadhan 1322 Hijrah bersamaan November 1904 Masehi. Beliau diasuh oleh bapanya semenjak kecil lagi menghafal al-Quran dan belajar bahasa Arab dan kitab agama. Tetapi kebahagiaan hidup pasangannya tidak berpanjangan kerana tidak berapa lama selepas melahirkan putera sulungnya Ahmad, Hajjah Mek Tok meninggal dunia.

Dalam tahun 1913 Masehi ayah beliau Haji Ismail (Tok Kemuning) yang menetap di Makkah hampir 28 tahun telah pulang ke tanah airnya. Pada waktu itu usia Haji Ahmad Maher lebih kurang 10 tahun. Sewaktu mula-mula balik dari Makkah Haji Ahmad Maher mengikuti bapanya untuk menetap di Kemuning, jajahan Machang.

Di Kemuning ayahanda beliau Haji Ismail berkahwin dengan Hajjah Aminah binti Ya'akub. Hasil dari perkahwinan ini Haji Ismail dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu Jawahir dan Muhammad Zain tetapi kedua-duanya meninggal dunia dalam usia antara dua tahun dan tiga tahun.

Hajjah Aminah juga meninggal dunia tidak berapa lama kemudian. Beliau kemudiannya berkahwin dengan Hajjah Che' Bedah dari kubang Pasu dan mendapat empat orang anak. Mereka sekarang ini dikenali sebagai Hajjah Habsah, Hajjah Salmah (iaitu isteri kepada Haji Yaakub bin Haji Hassan

bekas pegawai Agama di Majlis Agama Islam Kelantan, Pok Su Haji Muhammad Noori, (Bekas Pegawai kanan di Jabatan Pendidikan Kelantan) dan seorang anak lelaki meninggal semasa kecil).

Perkahwinan

Haji Ahmad Maher melangsungkan perkahwinan dalam usia yang masih muda iaitu ketika usianya lapan belas tahun. Perkahwinan pertamanya dengan Hajjah Zainab binti Haji Muhammad Sallaah.

Beliau beroleh dua orang anak iaitu Hajjah Zaharah binti Haji Ahmad Maher dan Haji Muhammad Syukri bin Haji Ahmad Maher.

Beliau mempunyai enam belas orang anak hasil dari tiga perkahwinan, mereka ialah:

1. Zaharah binti Haji Ahmad Maher Pendidikan: Sekolah Inggeris Perempuan Kerajaan di Kelantan. Pekerjaan sebagai suri rumah (sudah meninggal).

2. Mohd Shukri bin Haji Ahmad Maher Pendidikan: Sekolah Inggeris 2 tahun, Sekolah Ma'had (di zaman Jepun) Ismail School, 1945 masuk Sekolah Sulran Ismail Kota Bharu, Overseas Cambridge Certificate. Pekerjaan: Kerani pada 1 Julai, 1953 sehingga 1 Mei, 1963. Pegawai Tadbir Negeri (ADO) sehingga bersara 1 Februari, 1985. Awal dua tahun sebelum tempoh pensen.

3. Ahmad Rastom bin Haji Ahmad Maher. Pendidikan Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak. Sekolah Inggeris Ismail School, Kota Bharu, Belajar di Universiti Singapore. Bahagian L.L.B. Membuka Syarikat guaman Ridhaudin & Aziz and Co yang akhirnya dimiliki oleh beliau sendiri. Terlibat dengan politik (Barisan Nasional). Menjadi Timbalan Menteri Besar selama dua penggal.

4. Karimah Binti Haji Ahmad Maher. Sekolah Zainab, Kota Bharu, Kelantan. Lulusan tingkatan Lima. Bekerja sebagai guru. Menyambung pelajaran di Universiti Malaya dan jawatan akhir sebagai pensyarah sambilan di U.I.A (Universiti Islam



Hj Ahmad Maher

Antarabangsa).

5. Ahmad Fakhri Bin Haji Ahmad Maher. Belajar di Ismail School dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pengurus Besar Uniphone bahagian Pantai Timur, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

6. Ahmad Razin Bin Haji Ahmad Maher. Belajar di Ismail School, Kota Bharu Kelantan. Belajar di Iraq dalam bidang perubatan. Bekerja di hospital Kuantan.

7. Ahmad Tamim Bin Haji Ahmad Maher. Belajar di Ismail School, Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Chepa Kota Bharu dan menyambung pelajaran ke Australia bidang Arkitek. Bekerja dengan Firma Arkitek di Kuala Lumpur.

8. Ahmad Zaki Bin Haji Ahmad Maher. Belajar di Ismail School Kota Bharu. Lulus ITM bekerja di Syarikat Elektronik di Kuala Lumpur sebagai Pengurus Pemasaran.

9. Ahmad Nasir Bin Haji Ahmad Maher. Lulusan salah sebuah Universiti di United Kingdom dalam bidang Kejuruteraan. Bertugas sebagai jurutera di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

10. Harun Bin Haji Ahmad Maher. Lulusan Tingkatan Lima dan Maktab Perguruan, Bekerja sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Salor, Kota Bharu, Kelantan.

11. Mohd Mawardi bin Haji Ahmad Maher. Lulus

san Tingkatan Lima. Bekerja di sebuah Syarikat di Kuala Lumpur.

12. Ahmad Saifuddin bin Haji Ahmad Maher, Meninggal semasa tahun dua di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

13. Che Yasmin Binti Haji Ahmad Maher. Lulusan Tingkatan Lima. Suri Rumah.

14. Ahmad Haizim Bin Haji Ahmad Maher. Lulusan Tingkatan Lima. Bekerja sendiri.

15. Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Maher. Ismail Shool, Kota Bharu. Sambung Di Universiti Malaya dalam Bidang Undang-Undang. Bekerja di Syarikat Guaman Falz & Woom Co. Sekarang mempunyai Syarikat sendiri.

16. Noor Raime Bt. Haji Ahmad Maher. Lulusan ITM. Bekerja dengan Sirim Shah Alam, Selangor.

Pendidikan Anak-anak

Beliau mengambil berat terhadap anak-anak. Beliau merupakan seorang bapa yang tegas dalam mendisiplinkan anak-anak. Beliau mengikuti minat dan kecederungan anak-anak untuk memilih bidang pengajian mereka sendiri.

Beliau mengadakan program khusus untuk mengajar anak-anak beliau matapelajaran Bahasa Arab di rumah. Haji Ahmad Maher menanam sikap beradab terhadap anak-anak. Walaupun beliau seorang yang mampu dari segi kewangan dan kebendaan.

Gelaran Maher

Beliau mendapat gelaran Maher kerana beliau mahir dalam ilmu alat seperti mantiq dan balaghah. Gelaran Maher kepada beliau diberikan oleh Haji Yusuf Zaki Yaakob. Ada yang menyatakan ia diberikan oleh Tok Kenali. Mengikuti kata anaknya Haji Shukri, arwah Mufti Haji Noor pun memanggilnya dengan panggilan Maher.

Menurut Haji Shukri lagi gelaran Maher diberi oleh salah seorang gurunya di Al-Azhar kerana kemahirannya dalam ilmu usul Fiqh. Di antara gurunya di Al-Azhar ialah Syaikh Bak

hit seorang ulama yang terkenal. Haji Ahmad Maher merupakan anak Kelantan yang pertama mendapat Shahadah 'Aliah dalam masa yang singkat sahaja.

Menurut Haji Ahmad Syukri hal ini diberitahu oleh Haji Yaakub bin Haji Hassan, bekas pesara Setiausaha Fatwa Majlis Agama Islam Kelantan (ipar kepada Haji Ahmad Maher).

Menurut Ustaz Haji Abdullah al-Qari" gelaran Maher merupakan gelaran yang diberikan oleh Tok Kenali disebabkan beliau mahir dalam ilmu alafertutama nahu Arab.

Pendidikan

Sejak kecil lagi sewaktu di Makkah Tok Kemuning mengasuh anaknya Ahmad Maher dengan hafal al-Quran, belajar bahasa Arab dan kitab-kitab agama. Ketika beliau berusia sebelas tahun ayahandanya membawanya pulang ke Negeri Kelantan.

Beliau disuruh belajar di Pondok Tok Kenali. Beliau juga berguru dengan Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Haji Ahmad Halim, Haji Ali Pulau Pisang dan Maulana Tok Khurasan. Beliau belajar di Surau Tok Khurasan hampir lima tahun. Pada 8 Oktober, 1925 Haji Ahmad Maher belayar ke negeri Mesir untuk menuntut di Universiti Al-Azhar.

Syaikh Muhammad Bin Bokhit Al-Hanafi adalah salah seorang guru keruangannya. Kecenderungannya dalam ilmu Usul Fiqh dan ilmu ilmu alat serta lulus dalam masa yang singkat, akhirnya beliau di gelar 'Maher'.

Beliau merupakan salah seorang pengarang *Majalah Pengasah*. Pada tahun 1934 beliau dilantik sebagai ketua pelajaran Majlis Agama Islam Kelantan. Semasa memegang jawatan ini beliau cuba memperkenalkan beberapa pembaharuan termasuk perubahan sistem pendidikan dan kurikulum pendidikan agama.

Pada 15 hb Oktober 1935, beliau dilantik menjadi Kadi Besar Negeri Kelantan. Jawatan sebagai Nazir Sekolah Majlis dilepaskan dan diganti oleh Haji Nik Muhammad bin Haji Wan

Musa pada tahun 1936. Setelah empat tahun memegang jawatan Sebagai Kadi Besar beliau dilantik menjadi Mufti Khas kepada Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail ibn Al-Marhum Al-Sultan Yang ke empat.

Berikutan pelepasan jawatan oleh Mufti Haji Ibrahim pada 1 September 1941, beliau dilamanahkan memegang jawatan Mufti Kerajaan negeri Kelantan sehingga dilantik sebagai Mufti penuh pada 1 Januari 1945 dan jawatan ini dipegang sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1968.

Ketika menjadi Mufti banyak sumbangan dilakukan terhadap kemajuan pelajaran agama Islam di Kelantan dan menyusun pentadbiran secara yang lebih moden. Beliau telah berusaha mengadakan jawatan Penyelia Agama di Negeri Kelantan dan dilantikan di bawah Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1950.

Di samping memegang tugas sebagai Penyelia Agama mereka juga diminta mengajar di sekolah-sekolah kerajaan. Beliau juga berusaha mewujudkan jawatan guru-guru agama di peringkat Kerajaan Negeri tahun 1958 dan mengadakan jawatan setiausaha Mufti.

Sebagai Mufti beliau merasa berrangungjawab untuk mengetahui kedudukan imam-imam di seluruh Negeri Kelantan. Beliau telah melawat masjid-masjid di seluruh Negeri Kelantan dan beliau melihat kebanyakan imam-imam berkhutbah setiap Jumaat.


Meninggal Dunia

Setelah berjuang dan berkhidmat dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi terhadap agama dan bangsa, maka beliau telah kembali telah ke rahmatullah pada 17 Zulhijjah 1387 hijriyyah bersamaan 16 Mac 1968 ketika berusia enam puluh tiga tahun.

Beliau merupakan tokoh Ulama yang banyak melakukan pembaharuan dalam pengurusan Agama Islam dan pembangunan pendidikan Islam di Negeri Kelantan.

Keratan Akhbar Harakah (20 November 2020) Memaparkan Biodata

Dato' Haji Ahmad Maher sebagai Mufti ke-7 Kelantan.



Rujukan Kajian Lepas Projek Dokumentasi & Kajian Dilapidasi Rumah Dato' Haji Ahmad Maher, Kota Bharu, Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN